



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN PENGGUNAAN KIT KEMAHIRAN INSANIAH BAHASA MELAYU (KIT KIBM) KE ATAS PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN PERKEMBANGAN KEMAHIRAN INSANIAH MURID



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NOR SAMSIYAH BINTI M. HORSI

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN PENGGUNAAN KIT KEMAHIRAN INSANIAH BAHASA MELAYU
(KIT KIBM) KE ATAS PENGUASAAN BAHASA MELAYU
DAN PERKEMBANGAN KEMAHIRAN
INSANIAH MURID**

NOR SAMSIYAH BINTI M. HORSI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (/)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

/

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 September 2020

i. Perakuan pelajar:

Saya, **NOR SAMSIYAH BINTI M. HORSI (P20162002341)** dari **FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KESAN PENGGUNAAN KIT KEMAHIRAN INSANIAH BAHASA MELAYU (KIT KIBM) KE ATAS PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN PERKEMBANGAN KEMAHIRAN INSANIAH MURID** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan penyelia:

Saya, **PROF MADYA DR. IKHSAN BIN OTHMAN** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KESAN PENGGUNAAN KIT KEMAHIRAN INSANIAH BAHASA MELAYU (KIT KIBM) KE ATAS PENGUASAAN BAHASA MELAYU DAN PERKEMBANGAN KEMAHIRAN INSANIAH MURID** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/ sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **DOKTOR FALSAFAH**.

Tarikh

Tandatangan penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

**KESAN PENGGUNAAN KIT KEMAHIRAN INSANIAH BAHASA
MELAYU (KIT KIBM) KE ATAS PENGUASAAN BAHASA MELAYU
DAN PERKEMBANGAN KEMAHIRAN INSANIAH MURID**

No. Matrik /Matric No.:

P20162002341

Saya / I :

NOR SAMSIYAH BINTI M. HORSI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference only.
3. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) from the categories below:-*

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done*

☐**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)
Tarikh: 15 September 2020

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the related authority/organization mentioning the period of confidentiality and reasons for the said confidentiality or restriction.





PENGHARGAAN

Syukur yang tidak terhingga ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnianya saya dapat menghasilkan kajian ini. Begitu besar cabaran namun azam dan keinginan menjadi tekad walau ada kalanya terasa sukar. Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih diucapkan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Ikhsan bin Othman yang banyak membimbing dan membantu saya sepanjang pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Penghargaan dan ucapan terima kasih saya juga kepada para pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris khususnya bagi para pensyarah yang membimbing saya dalam kelas-kelas audit. Terima kasih kepada semuanya yang mengajarkan saya ilmu tanpa jemu. Terima kasih yang tidak terhingga kepada suami, Shamsul Khairul bin Samsul Kamal kerana selalu memberi dorongan dan sokongan serta berkorban masa dan tenaga. Terima kasih anak-anak yang saya kasihi Abyana Khayra dan Aish Ayden kerana sering memberi kerjasama walaupun masih kecil ketika pengajian saya ini. Tidak dilupakan buat kedua ayah dan bonda saya iaitu M. Horsi bin M. Rasul dan Samiah binti Sulami serta adik-beradik saya Siti Suraiyah, Abd Haris, Harina dan Syazwi Aiman.

Terima kasih buat keluarga mentua saya terutamanya bonda Sa'adiyah binti Kamarudin yang turut memberi sokongan. Rakan-rakan saya khususnya Noor Fazeliyana, Kak Noraini, Kak Nurul Aini, Siti Rosnah, Nor Fazlina dan warga Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Idris. Terima kasih Tn Pengetua Tn Hj Abd Aziz bin Ibrahim dan para pentadbiran kerana memberi kerjasama kepada saya yang bekerja sambil belajar. Tidak saya lupakan terima kasih kepada guru-guru, warga Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Sepuluh, Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Dato' Seri Kamaruddin dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dindings yang telah memberi kerjasama dalam kajian saya.





ABSTRAK

Kemahiran insaniah adalah kemahiran kritikal yang perlu diperkembangkan secara bersepadu merentas kurikulum di sekolah. Tujuan kajian ini adalah untuk meneroka kesan penggunaan kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (Kit KIBM) ke atas penguasaan Bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah murid. Kajian dilaksanakan mengguna kaedah tinjauan. Kit KIBM dibangunkan menggunakan model Borg dan Gall. Seramai 75 orang murid tingkatan empat daripada tiga buah sekolah menengah di daerah Manjung, Perak telah dipilih sebagai peserta kajian. Tiga orang guru Bahasa Melayu juga terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran Kit KIBM dan telah diberi latihan bagi mengaplikasikan kit tersebut. Kit KIBM telah dilaksanakan selama enam minggu. Instrumen kajian terdiri daripada dokumen rekod pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, protokol temubual, dan borang semak pemerhatian. Dokumen rekod pencapaian murid dianalisis menggunakan skor min markah pencapaian dan sisihan piawai manakala data pemerhatian perkembangan kemahiran insaniah murid diukur menggunakan skor min. Data temu bual dianalisis menggunakan perisian Nvivo untuk melihat tema-tema yang muncul. Dapatan kajian mendapati penguasaan Bahasa Melayu murid menggunakan Kit KIBM menunjukkan pencapaian yang positif. Penguasaan murid bagi aspek tatabahasa (min=77%, SP=3.87), karangan (min=75%, SP=3.68), dan pindah maklumat (min=83%, SP=3.72) berada pada tahap yang baik. Bagi kemahiran insaniah pula didapati lima elemen kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi (min=3.87), keusahawanan (min=3.84), kerja berpasukan (min=3.81), etika dan moral (min=3.76) dan pembelajaran berterusan (min=3.69) menunjukkan murid menguasai kemahiran tersebut. Tema yang muncul daripada temu bual juga menunjukkan murid berasa seronok mengikuti pembelajaran melalui Kit KIBM. Kesimpulannya, penggunaan Kit KIBM adalah berkesan dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu serta kemahiran insaniah dalam kalangan murid. Implikasinya, Kit KIBM boleh digunakan oleh guru mata pelajaran Bahasa Melayu untuk menambah baik pengajaran Bahasa Melayu dan pada masa yang sama dapat menerapkan secara bersepadu kemahiran insaniah dalam kalangan murid.

Kata kunci- kurikulum, bahasa Melayu, kaedah tinjauan, kit KIBM, kemahiran insaniah, Nvivo





THE EFFECT OF BAHASA MELAYU SOFT SKILLS KIT (KIBM KIT) ON THE STUDENTS' MASTERY OF BAHASA MELAYU AND THEIR SOFT SKILLS DEVELOPMENT

ABSTRACT

Soft skills are the critical skills that are needed to be developed and integrated across the curriculum. The purpose of this study was to explore the effect of Bahasa Melayu Soft Skills Kit (KIBM Kit) on the students' mastery of the language and their soft skills development. This study was conducted by using a survey method. This kit was developed by using the Borg and Gall model. A total of 75 Form 4 students from three different secondary schools in Manjung, Perak has been selected as the participants in this study. Three Bahasa Melayu teachers were also participated in the teaching and learning process and have been trained on how to use the KIBM Kit during their lessons. The KIBM Kit was implemented for six weeks. The research instruments consisted of the students' achievement records, interview protocols and observation checklists. Data from the students' achievement records were analysed by using the mean scores and also standard deviation (SD). Also, the data from the observation of the students' soft skills development have been measured by using mean scores. The data from the interview were analysed by using the Nvivo software to identify the emerging themes. The result indicated that the students' mastery of Bahasa Melayu after using the KIBM Kit has showed a positive achievement. The students' mastery in the grammar (Mean=77%, SD=3.81), essay writing (Mean=75%, SD=3.68) and information transfer (Mean=83%, SD=3.72) was at a good level. For the soft skills, the results showed that the five elements: communication (Mean=3.87), entrepreneurship (Mean=3.84), teamwork (Mean=3.81), ethics and moral (Mean=3.76) and continuous learning (SD=3.69) indicated that the students possessed the skills. The key theme emerged from the interview was that the learning using the KIBM Kit was enjoyable. In conclusion, the usage of the KIBM Kit was effective in enhancing the students' mastery of Bahasa Melayu and the improvement of their soft skills. This study implicates that the KIBM Kit can be used by Bahasa Melayu teachers to enhance their teaching skills and at the same time to improve the students' soft skills.

Keywords – curriculum, Malay language, survey method, KIBM kit, soft skills, Nvivo



KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL xvi

SENARAI RAJAH xxi

SENARAI SINGKATAN xxi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 8

1.3 Penyataan Masalah 16

1.4 Objektif Kajian 21

1.5 Soalan Kajian 21

1.6 Kepentingan Kajian 22

1.7 Batasan Kajian 26

1.8 Kerangka Model 30



1.9	Kerangka Konseptual	35
1.10	Definisi Operasional	39
1.10.1	Penggunaan	39
1.10.2	Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (Kit KIBM)	40
1.10.3	Penguasaan Bahasa	41
1.10.4	Mata Pelajaran Bahasa Melayu	42
1.10.5	Perkembangan	45
1.10.6	Kemahiran Insaniah	45
1.10.6.1	Kemahiran Komunikasi	46
1.10.6.2	Kemahiran Berfikir Kritis dan Penyelesaian Masalah	47
1.10.6.3	Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat	48
1.10.6.4	Kemahiran Kerja Berpasukan	49
1.10.6.5	Kemahiran Kepemimpinan	50
1.10.6.6	Kemahiran Etika dan Moral Profesional	51
1.10.6.7	Kemahiran Keusahawanan	52
1.11	Rumusan	53

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	54
2.2	Kurikulum Bersepadu Bahasa Melayu	55





2.3	Mata Pelajaran Bahasa Melayu	60
2.3.1	Aspek Tatabahasa	65
2.3.2	Aspek Kefahaman	66
2.3.3	Aspek Karangan	67
2.3.4	Aspek Pindah Maklumat	68
2.4	Kemahiran Insaniah	68
2.4.1	Kemahiran Komunikasi	76
2.4.2	Kemahiran Berfikir Kritis dan Kreatif	78
2.4.3	Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat	81
2.4.4	Kemahiran Kerja Berpasukan	82
2.4.5	Kemahiran Kepemimpinan	84
2.4.6	Kemahiran Etika dan Moral Profesional	88
2.4.7	Kemahiran Keusahawanan	90
2.5	Perkembangan Kemahiran Insaniah dalam Kurikulum	91
2.6	Perkembangan Kemahiran Insaniah dalam Bahasa Melayu	93
2.7	Rancangan Pengajaran	99
2.8	Perkembangan Model Borg dan Gall melalui Pembangunan kit KIBM	103
2.9	Tinjauan Empirikal	107
2.10	Rumusan	121



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	123
3.2	Reka Bentuk Kajian	124
3.3	Prosedur Kajian	128
3.3.1	Fasa Analisis Keperluan	128
3.3.2	Fasa Reka Bentuk	129
3.3.2.1	Membangunkan Kit KIBM	133
3.3.2.1.1	Draf Produk Awal	134
3.3.2.1.2	Pengujian Produk Awal	134
3.3.2.1.3	Pemurnian Produk Awal	135
3.3.2.1.4	Produk Akhir	136
3.3.2.1.5	Penilaian	137
3.3.2.2	Fasa Penyediaan Rancangan Pengajaran Menggunakan Kit KIBM	138
3.3.2.2.1	Perancangan	139
3.3.2.2.2	Pemurnian	141
3.3.2.2.3	Pelaksanaan	142
3.4	Prosedur Perkembangan Elemen Kemahiran Insaniah Menggunakan Kit KIBM	144
3.4.1	Jadual Pelaksanaan Pengajaran dan Pemudahcaraan Menggunakan Kit KIBM	147
3.5	Responden Kajian	149

3.5.1	Responden Guru Terlibat dalam Kajian	150
3.5.2	Pemerhati Terlibat dalam Kajian	150
3.5.3	Responden Murid Terlibat dalam Kajian	152
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	153
3.6.1	Pengumpulan Data Melalui Pemerhatian	155
3.6.2	Pengumpulan Data Melalui Temu Bual	156
3.6.2.1	Temu Bual Guru	158
3.6.2.2	Temu Bual Murid	158
3.6.3	Pengumpulan Data Melalui Analisis Dokumen	159
3.7	Instrumen Kajian	162
3.7.1	Instrumen untuk Pemerhatian	162
3.7.2	Instrumen untuk Temu Bual	163
3.7.2.1	Instrumen Temu Bual Guru	164
3.7.2.2	Instumen Temu Bual Murid	165
3.7.3	Dokumen Analisis	166
3.8	Triangulasi	167
3.9	Kebenaran Menjalankan Kajian	168
3.10	Analisis Data	169
3.10.1	Analisis Data Pemerhatian	171
3.10.2	Analisis Data Temu Bual	173
3.10.3	Analisis Data Berasaskan Dokumen	174
3.11	Rumusan	175



BAB 4 ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	176
4.2	Profil Responden Kajian	177
4.2.1	Profil Responden Guru	177
4.2.2	Profil Pemerhati (Guru Kanan Bahasa)	179
4.2.3	Profil Responden Murid	181
4.3	Pengajaran Bahasa Melayu Tingkatan Empat yang Menggunakan Kit KIBM	189
4.4	Penguasaan Aspek Bahasa Melayu Murid dalam Proses Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang Menggunakan Kit KIBM	195
4.4.1	Penguasaan Aspek Tatabahasa Murid dalam PdP Bahasa Melayu Menggunakan Kit KIBM	196
4.4.2	Penguasaan Aspek Kefahaman Murid dalam PdP Bahasa Melayu Menggunakan Kit KIBM	205
4.4.3	Penguasaan Aspek Karangan Murid dalam PdP Bahasa Melayu Menggunakan Kit KIBM	215
4.4.4	Penguasaan Aspek Pindah Maklumat Murid dalam PdP Bahasa Melayu Menggunakan Kit KIBM	222
4.5	Perkembangan Kemahiran Insaniah Murid dalam Proses Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang Menggunakan Kit KIBM	231
4.5.1	Perkembangan Kemahiran Komunikasi Murid dalam Proses Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang Menggunakan Kit KIBM	231





4.5.2	Perkembangan Kemahiran Pemikiran Kritis dan Menyelesaikan Masalah Murid dalam Proses Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang Menggunakan Kit KIBM	240
4.5.3	Perkembangan Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Murid dalam Proses Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang Menggunakan Kit KIBM	246
4.5.4	Perkembangan Kemahiran Kerja Berpasukan Murid dalam Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan Bahasa Melayu yang Menggunakan Kit KIBM	252
4.5.5	Perkembangan Kemahiran Kepimpinan Murid dalam Proses Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang Menggunakan Kit KIBM	258
4.5.6	Perkembangan Kemahiran Etika dan Moral Murid dalam Proses Pemudahcaraan Bahasa Melayu yang Menggunakan Kit KIBM	264
4.5.7	Perkembangan Kemahiran Keusahawanan Murid dalam Proses Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu Yang Menggunakan Kit KIBM	270
4.6	Kesimpulan	281

BAB 5 PERBINCANGAN, IMPLIKASI, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	282
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	283
5.2.1	Kesan Inovasi Kit KIBM	288



5.2.2	Kesan Terhadap Penguasaan Aspek Bahasa Melayu	290
5.2.3	Kesan Terhadap Perkembangan Kemahiran Insaniah	293
5.3	Implikasi Kajian dari Segi teori dan Praktis	296
5.3.1	Implikasi kepada Para Penyelidik	298
5.3.2	Implikasi kepada Para Guru	299
5.3.3	Implikasi kepada Penggubal Kurikulum	300
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	302
5.5	Penutup	305
RUJUKAN		306
LAMPIRAN		
LAMPIRAN 1-	Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	325
LAMPIRAN 2-	Surat Kebenaran Jabatan Pendidikan Perak Menjalankan Kajian	326
LAMPIRAN 3-	Pengesahan Pakar Rancangan Pengajaran dan Pembangunan Kit KIBM	328
LAMPIRAN 4-	Contoh Rancangan Pengajaran Aspek Tatabahasa	330
LAMPIRAN 5-	Contoh Rancangan Pengajaran Aspek Kefahaman	331
LAMPIRAN 6-	Contoh Rancangan Pengajaran Aspek Karangan	332
LAMPIRAN 7-	Contoh Rancangan Pengajaran Aspek Pindah Maklumat	333
LAMPIRAN 8-	Pembangunan Kit KIBM Aspek Tatabahasa	334
LAMPIRAN 9-	Pembangunan Kit KIBM Aspek Kefahaman	335

LAMPIRAN 10-	Pembangunan Kit KIBM Aspek Karangan	336
LAMPIRAN 11-	Pembangunan Kit KIBM Aspek Pindah Maklumat	337
LAMPIRAN 12-	Kriteria Senarai Semak (Tatabahasa)	338
LAMPIRAN 13-	Dapatan Pemerhatian Guru-Murid (Tatabahasa)	339
LAMPIRAN 14-	Kriteria Senarai Semak (Kefahaman)	340
LAMPIRAN 15-	Dapatan Pemerhatian Guru-Murid Aspek Kefahaman	341
LAMPIRAN 16-	Kriteria Senarai Semak (Karangan)	342
LAMPIRAN 17-	Dapatan Pemerhatian Guru-Murid Aspek Karangan	343
LAMPIRAN 18-	Kriteria Senarai Semak (Aspek Pindah Maklumat)	344
LAMPIRAN 19-	Dapatan Pemerhatian Guru-Murid Aspek Pindah Maklumat	345
LAMPIRAN 20-	Rubrik Kemahiran Insaniah	346
LAMPIRAN 21-	Senarai Semak Pemerhatian Guru-Murid Elemen Kemahiran Komunikasi	347
LAMPIRAN 22-	Senarai Semak Pemerhatian Guru-Murid Elemen Kemahiran Pemikiran Kritis dan Menyelesaikan Masalah	348
LAMPIRAN 23-	Senarai Semak Pemerhatian Guru-Murid Elemen Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat	349
LAMPIRAN 24-	Senarai Semak Pemerhatian Guru-Murid Elemen Kemahiran Kerja Berpasukan	350
LAMPIRAN 25-	Senarai Semak Pemerhatian Guru-Murid Elemen Kemahiran Kepimpinan	351
LAMPIRAN 26-	Senarai Semak Pemerhatian Guru-Murid Elemen Kemahiran Etika Dan Moral	352

LAMPIRAN 27-	Senarai Semak Pemerhatian Guru-Murid Elemen Kemahiran Keusahawanan	353
LAMPIRAN 28-	Soalan Temu Bual Guru	354
LAMPIRAN 29-	Soalan Temu Bual Murid	358
LAMPIRAN 30-	Temu Bual Guru A	361
LAMPIRAN 31-	Temu Bual Guru B	364
LAMPIRAN 32-	Temu Bual Guru C	367
LAMPIRAN 33-	Temu Bual Murid 1	370
LAMPIRAN 34-	Temu Bual Murid 2	372
LAMPIRAN 35-	Temu Bual Murid 3	374
LAMPIRAN 36-	Temu Bual Murid 4	376
LAMPIRAN 37-	Temu Bual Murid 5	378
LAMPIRAN 38-	Temu Bual Murid 6	380
LAMPIRAN 39-	Temu Bual Murid 7	382
LAMPIRAN 40-	Temu Bual Murid 8	384
LAMPIRAN 41-	Temu Bual Murid 9	386
LAMPIRAN 42-	Soalan Peribahasa	388
LAMPIRAN 43-	Bentuk Soalan Pemahaman	389
LAMPIRAN 44-	Soalan Karangan (Tema Tingkatan Empat)	392
LAMPIRAN 45-	Bahan Dokumen (Murid)	404
LAMPIRAN 46-	Bahan Dokumen (Komen Murid)	407
LAMPIRAN 47-	Data Analisis (Nvivo)	410

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
------------	------------

Jadual 3.1	Jadual Pelaksanaan Pengajaran Kit KIBM Minggu Pertama dan Kedua	147
Jadual 3.2	Jadual Pelaksanaan Pengajaran Kit KIBM Minggu Ketiga dan Keempat	148
Jadual 3.3	Jadual Pelaksanaan pengajaran Kit KIBM Minggu Ketiga dan Keempat	148
Jadual 3.4	Responden Guru terlibat Dalam Kajian	151
Jadual 3.5	Responden Murid Terlibat dalam Kajian	152
Jadual 3.6	Gred Pemarkahan Ujian	170
Jadual 3.7	Skala Skor Min dan Interpretasi	172
Jadual 4.1	Profil Guru sebagai Responden	178
Jadual 4.2	Profil Murid sebagai Responden	187
Jadual 4.3	Tema Pendapat Guru tentang Kit	190
Jadual 4.4	Tema Pendapat Murid tentang Kit	193
Jadual 4.5	Pemerhatian Berkaitan Penguasaan Aspek Tatabahasa Murid	197
Jadual 4.6	Tema Penguasaan Aspek Tatabahasa Guru	200
Jadual 4.7	Tema Penguasaan Aspek tatabahasa Murid	202
Jadual 4.8	Peratus Markah Kemahiran Tatabahasa Murid	204

Jadual 4.9	Pemerhatian Berkaitan Penguasaan Aspek Kefahaman Murid	206
Jadual 4.10	Tema Penguasaan Aspek Kefahaman Guru	209
Jadual 4.11	Tema Penguasaan Aspek Kefahaman Murid	211
Jadual 4.12	Peratus Markah Penguasaan Kefahaman Murid	213
Jadual 4.13	Pemerhatian Berkaitan Penguasaan Karangan	216
Jadual 4.14	Tema Penguasaan Aspek karangan Guru	217
Jadual 4.15	Tema Penguasaan Aspek Karangan Murid	219
Jadual 4.16	Peratus Markah Penguasaan Karangan Murid	221
Jadual 4.17	Pemerhatian Berkaitan Penguasaan Aspek Pindah Maklumat Murid	223
Jadual 4.18	Tema Penguasaan Aspek Pindah Maklumat Guru	225
Jadual 4.19	Tema Penguasaan Aspek Pindah Maklumat Murid	227
Jadual 4.20	Peratus Markah Penguasaan Pindah Maklumat Murid	229
Jadual 4.21	Rumusan Pengajaran Melalui Penggunaan Kit KIBM ke atas Penguasaan Bahasa Melayu	230
Jadual 4.22	Pemerhatian Berkaitan Perkembangan Kemahiran Komunikasi Murid	233
Jadual 4.23	Tema Perkembangan Elemen Kemahiran Komunikasi Guru	234
Jadual 4.24	Tema Perkembangan Elemen Kemahiran Komunikasi Murid	236
Jadual 4.25	Peratus Markah Kemahiran Komunikasi Murid	238
Jadual 4.26	Pemerhatian Berkaitan Kemahiran Pemikiran Kritis dan Menyelesaikan Masalah Murid	241
Jadual 4.27	Tema Perkembangan Elemen Kemahiran Pemikiran Kritis dan Menyelesaikan Masalah Guru	242



Jadual 4.28	Tema Perkembangan Elemen Kemahiran Pemikiran Kritis dan Menyelesaikan Masalah Murid	243
Jadual 4.29	Peratus Markah Kemahiran Pemikiran Kritis dan Menyelesaikan Masalah Murid	245
Jadual 4.30	Pemerhatian Berkaitan Perkembangan Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Murid	247
Jadual 4.31	Tema Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Guru	248
Jadual 4.32	Tema Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat Murid	249
Jadual 4.33	Peratus Markah Kemahiran Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat	251
Jadual 4.34	Pemerhatian Berkaitan Perkembangan Kemahiran Kerja Berpasukan Murid	253
Jadual 4.35	Tema Kerja Berpasukan Guru	254
Jadual 4.36	Tema Kerja Berpasukan Murid	255
Jadual 4.37	Peratus Markah Kemahiran Kerja Berpasukan	257
Jadual 4.38	Pemerhatian Berkaitan Perkembangan Kemahiran Kepimpinan Murid	259
Jadual 4.39	Tema Kemahiran Kepimpinan Guru	260
Jadual 4.40	Tema Kemahiran Kepimpinan Murid	262
Jadual 4.41	Peratus Markah Kemahiran Kepimpinan Murid	264
Jadual 4.42	Pemerhatian Berkaitan Perkembangan Kemahiran Etika dan Moral Murid	265
Jadual 4.43	Tema Kemahiran Etika dan Moral Guru	267
Jadual 4.44	Tema Kemahiran Etika dan Moral Murid	268
Jadual 4.45	Peratus Markah Kemahiran Etika dan Moral	270





Jadual 4.46	Pemerhatian Berkaitan Perkembangan Kemahiran Keusahawanan Murid	271
Jadual 4.47	Tema Kemahiran keusahawanan Guru	273
Jadual 4.48	Tema Kemahiran Keusahawanan Murid	274
Jadual 4.49	Peratus Markah Kemahiran Keusahawanan	276
Jadual 4.50	Rumusan Pengajaran ke atas Perkembangan Kemahiran Insaniah	277



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Model Pembangunan Kurikulum	30
Rajah 1.2	Kerangka Konseptual Kesan penggunaan Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu ke atas Penguasaan Bahasa Melayu dan Perkembangan Kemahiran Implementasi Tyler, 1950	34
Rajah 2.1	Pembangunan Kit KIBM melalui Model Pengembangan Instruksional Borg dan Gall 2003	104
Rajah 3.1	Kerangka Reka Bentuk Kajian	125
Rajah 3.2	Langkah-Langkah Penelitian dan Pembangunan RPH Melalui Kit KIBM Ubah suai Borg & Gall, 2003	130
Rajah 3.3	Prosedur Kajian	140
Rajah 3.4	Rajah Aliran Pengumpulan Data	149
Rajah 3.5	Kerangka Pengumpulan Data	157

SENARAI SINGKATAN

KI	Kemahiran Insaniah
KIBM	Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu
PBD	Pentaksiran Bilik Darjah
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
TMK	Teknologi Multimedia dan Komunikasi
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Seiring pemodenan serta cabaran globalisasi dalam bidang pendidikan, kurikulum di Malaysia terus mengalami perubahan. Dasar pembangunan kurikulum dalam sistem pendidikan sering berubah-ubah bermula daripada Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM), seterusnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM, 1988), Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI, 2003-2006), PPSMI kembali kepada bahasa Malaysia serta disampaikan dalam dwibahasa pada tahun 2012 dan kemudiaannya pula berlaku tranformasi kurikulum yang dikenali Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM, 2014). PPSMI diajar dalam dwibahasa bertujuan untuk memartabatkan Bahasa Malaysia memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI).





Memartabatkan bahasa Melayu bermaksud meletakkan bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Malaysia. Hal ini demikian kerana bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar utama pendidikan berdasarkan Akta Pendidikan 1996. Tujuan utama memperkukuh bahasa Inggeris adalah untuk membolehkan penerokaan pelbagai ilmu dan meningkatkan persaingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Selain itu, bahasa Inggeris juga merupakan bahasa komunikasi antarabangsa yang perlu dikuasai dengan baik dan berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).



Perkara ini membuktikan bahawa kurikulum di Malaysia sering dipertingkatkan kualitinya untuk generasi masa hadapan dari semasa ke semasa bagi memberi ruang dan peluang memperkembangkan keupayaan murid secara sihat (PPPM, 2013-2015). Saedah (2015) menyatakan kurikulum merupakan cabang paling utama untuk membangunkan pendidikan bagi generasi moden yang kini sedang mengikuti gelombang pembangunan negara. Sehubungan itu, kurikulum dilihat sebagai agenda yang paling penting dibangunkan dalam pembangunan dan pembentukan masa depan negara dan bangsa di seluruh dunia. Hasil pembacaan penyelidikan mendapati bahawa kurikulum menjadi pemangkin kepada kemajuan dan kejayaan sesebuah negara pada masa hadapan serta perlu diterjemahkan seiring dengan perkembangan zaman.

Ornstein, Hunskin dan Francis (2009) mendefinisikan kurikulum adalah dasar atau perancangan untuk tindakan yang mengandungi dokumen bertulis bagi mencapai hasrat yang diinginkan. Kurikulum yang diguna pakai dalam sesuatu sistem pendidikan adalah





bergantung kepada kejayaan pelaksanaannya. Bagi mencapai sistem pendidikan yang baik, kurikulum perlu berubah sifatnya dan sesuai dengan aliran zaman ini malah generasi masa hadapan. Berasaskan dasar dan laporan terdahulu, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025) telah dirangka bagi menghadapi cabaran abad ke-21 yang sangat besar pengaruhnya. Fokus pelan ini adalah cara membangunkan dan mengembangkan kurikulum, serta menambah baik sistem pendidikan secara berterusan.

Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan (2013-2025) sistem pendidikan di Malaysia berhasrat memastikan setiap murid mencapai kebolehan yang sepenuhnya. Semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang merencanakan pendidikan seimbang sebagai asas mencapai aspirasi murid terus diterjemah melalui Pelan Pembangunan Pendidikan. Bagi membangunkan unsur murni dan kecakapan tertentu yang diperlukan oleh murid untuk berjaya dan berkembang maju dalam dunia global yang semakin mencabar PPPM ini juga mengambil pengajaran daripada sistem pendidikan berprestasi tinggi. Ciri-ciri utama modal insan dan tenaga kerja bertaraf dunia yang digariskan adalah kelayakan pendidikan yang tinggi bagi menyokong pembangunan pengetahuan dan inovasi, tahap kemahiran yang tinggi dalam bidang teknikal dan profesional, serta tahap produktiviti yang tinggi (Rancangan Malaysia kesepuluh 2011-2015:44-46).

Pendidikan seimbang dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan merangkumi enam elemen iaitu pengetahuan, kemahiran memimpin, kemahiran berfikir, etika dan kerohanian, kemahiran dwibahasa, dan identiti nasional seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kepentingan pengetahuan dan





kemahiran bukan sahaja ditekankan melalui elemen ini, tetapi juga pembangunan kreatif dan inovatif, kemahiran pemikiran kritis, kemahiran memimpin, kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, sahsiah dan nilai serta semangat identiti nasional yang kuat. Penekanan turut disarankan kepada usaha bagi membolehkan semua murid memberikan sumbangan yang bermakna kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Selain itu, semua potensi yang ada pada murid perlu berlangsung secara komprehensif dan menyeluruh melibatkan pengisian dan pengembangan kurikulum dalam pendidikan. Menurut Sufean (2004) proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah di sekolah-sekolah wajar berfokus ke arah pembelajaran yang menarik untuk pengembangan kurikulum. Perubahan ini perlu digerakkan oleh mereka yang berbakat khususnya pemimpin dan pekerja berpengetahuan, memiliki input lain, seperti tenaga kerja dan modal yang mencukupi. Malaysia perlu mempunyai sistem pendidikan yang berdaya saing demi melahirkan bakat yang kompetitif di peringkat antarabangsa. Hasrat Malaysia menjadi sebuah negara maju dari segi ekonomi, teknologi, dan pemodenan taraf hidup selaras dengan hasrat Wawasan 2020. Ciri-ciri murid abad ke-21 juga menekankan pengembangan kreativiti, pembelajaran koperatif, berfikir kritis dan reflektif, berkemahiran generik, multi lingualisme, pelbagai kecerdasan, dan kemahiran belajar cara belajar (PPPM, 2013-2025).

Abdul Rahim (2007) berpendapat perkembangan kurikulum perlu berkembang mengikut keperluan dan kesesuaiannya dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, semua bakal guru seharusnya diberi pendedahan awal tentang konsep kurikulum, model





penggubalan kurikulum, perkembangan kurikulum dan penilaian kurikulum. Hal ini penting agar guru dapat melakukan persediaan yang lebih baik dalam aktiviti pengajaran dan pembelajarannya. Bagi golongan pendidik, kurikulum amat sebatang dengan diri mereka kerana kebiasaannya kurikulum dikenali sebagai mata pelajaran. Di Malaysia, kumpulan mata pelajaran menengah atas meliputi daripada mata pelajaran teras, mata pelajaran wajib, dan mata pelajaran elektif (SPI Bil. 9/2016).

Para pendidik perlu menyampaikan kurikulum melalui mata pelajaran yang diajar kepada murid lantaran guru di sekolah-sekolah dibekalkan jadual waktu untuk mengajar sesuatu mata pelajaran. Hal ini demikian kerana melalui peraturan kurikulum kebangsaan seseorang guru hendaklah mengajar mengikut sukatan pelajaran yang diluluskan dan memiliki satu jadual waktu yang diluluskan (531 & Jadual Waktu Perkara 11 (1)). Oleh itu, pendidik perlu mahir mengesan dan mengenal pasti keadaan yang boleh dijadikan maklumat untuk menyediakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkesan (Abdul Rahim, 2007).

Para pendidik tidak dapat mengelakkan diri daripada tugas-tugas mengajar. Pengajaran yang baik perlulah mempunyai perancangan iaitu melalui sukatan pelajaran para guru perlu bermula daripada penyediaan takwim tahunan diikuti dengan penyediaan rancangan pengajaran harian. Seseorang guru yang ingin mengajar perlulah melakukan perancangan terlebih dahulu berkaitan dengan tajuk yang ingin disampaikan, objektif yang hendak dicapai, aktiviti yang akan dijalankan sepanjang pengajaran, dan hasil atau refleksi pengajaran (Surat Pekeliling Ikhtisas: Bil. 8/1990, Bil. 6/1991, Bil. 7/1994, dan Bil.





10/1995). Menurut Norsita dan Zainal (2014), guru perlu sedar bahawa sikap guru memainkan peranan penting dalam menentukan persediaan, penyediaan bahan rangsangan dan emosi guru yang akan mempengaruhi gaya pengajaran guru, emosi serta gaya pembelajaran kanak-kanak. Justeru, penggunaan bahan bantu mengajar antara aspek yang penting dalam mengaplikasikan kognisi dalam pengajaran. Lantaran itu, penyelidik memikirkan bahawa perlunya kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) ini dibangunkan dan disusun dalam aktiviti rancangan pengajaran yang disediakan oleh guru.

Menurut Suppiah (2013) berkaitan penggunaan grafik, diagram, gambar, carta aliran dan lakaran dalam pengajaran mampu meningkatkan pemprosesan kognisi melalui teknik visual dan verbal yang digunakan secara serentak. Oleh itu, penggunaan bahan-bahan yang menarik ini mampu menarik minat murid untuk perkembangan ilmu pengetahuan mereka. Ramai penyelidik telah melakukan beberapa kajian berkaitan mata pelajaran yang diajar oleh mereka. Memandangkan mata pelajaran yang terdapat dalam kurikulum sangat luas, penyelidik telah memilih mata pelajaran bahasa Melayu untuk diajar menggunakan kit KIBM. Kit KIBM yang dibangunkan adalah untuk melihat penguasaan bahasa Melayu dan seterusnya memperkembangkan kemahiran insaniah murid. Hal ini penting kerana bahasa Melayu merupakan bahasa komunikasi, bahasa perpaduan, dan bahasa merentas kurikulum yang terdapat di Malaysia (Pelan Induk Pendidikan, 2006-2010)

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana memiliki kepelbagaian kaum. Melalui satu bahasa rasmi yang digunakan oleh semua masyarakat





membolehkan mereka saling berinteraksi untuk berhubung antara satu sama lain bagi menyampaikan maklumat. Semua warganegara yang tinggal di Malaysia misalnya perlulah boleh bertutur dalam bahasa Melayu bagi membolehkan mereka hidup saling hormat menghormati disebabkan satu bahasa (Asmah, 2015). Selain itu, perpaduan dapat diertikan kerana mereka mempunyai kefahaman disebabkan boleh bertutur menggunakan bahasa yang sama.

Menurut Abdullah Hassan (2006), menuturkan bahasa yang sama adalah antara ciri yang menentukan jati diri sesebuah bangsa. Oleh itu, bahasa bukan sahaja berfungsi sebagai alat komunikasi malah menjadi ciri yang memberi makna kepada sesuatu bangsa. Penggunaan bahasa Melayu dalam penguasaan dan penyampaian ilmu oleh murid-murid dalam bidang sains, matematik, geografi, sejarah dan sebagainya adalah satu kemestian kerana bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang merentas kurikulum. Tanpa bahasa, apa-apa sahaja aktiviti yang melibatkan proses penguasaan dan penyebaran ilmu tidak mungkin dilaksanakan dengan berkesan dan bermakna. Sehubungan itu, bahasa Melayu bukan sahaja untuk komunikasi dan perpaduan malah bagi menyampaikan mata pelajaran lain (KPM, 2018).

Oleh itu, semua murid perlulah dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik agar hasrat negara untuk mencapai kecemerlangan dalam semua bidang tercapai. Hal ini penting kerana Malaysia bukan sahaja mempunyai kepelbagaian kaum, malah setiap negeri yang ada juga mempunyai dialek-dialek kenegerian yang berbeza menyebabkan sekolah menjadi medan untuk murid mempelajari bahasa Melayu dengan standard yang betul





(Asmah, 2010). Justeru, kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) ini dibangunkan bukan sahaja untuk mewujudkan PdP yang menarik malah untuk melihat penguasaan bahasa Melayu murid. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, kemahiran insaniah atau kemahiran bernilai tambah perlu diterapkan kepada murid sejak dibangku sekolah meliputi beberapa elemen iaitu pemikiran kritis, komunikasi, etika kerohanian dan lain-lain lagi (Arniza & Zamri, 2018). Selain itu, kemahiran insaniah penting untuk dibangunkan dan ditaksir dengan sesuatu yang realistik.

Menurut Rodiah, Siti Rahayah dan Noriah (2008) kemahiran insaniah menjadikan murid dan pekerja lebih efektif dan berkesan serta diperlukan oleh semua sektor. Bagi mengembangkan potensi murid, sistem pendidikan di negara ini wajar dibangunkan secara terancang serta sempurna dan mempunyai matlamat yang nyata untuk kepentingan negara dan murid itu sendiri (Saedah, 2008). Sekiranya keseluruhan potensi ini dikembangkan, murid akan dapat mencapai kejayaan sebagai persediaan bagi menghadapi masa hadapan yang sentiasa berubah sifatnya. Terdapat pelbagai kemahiran yang boleh diterapkan bagi memperkembangkan potensi murid dalam kurikulum semasa pengajaran. Kemahiran insaniah misalnya merupakan antara ciri PAK 21 yang perlu ditekankan kepada murid sejak alam persekolahan bukan sahaja kepada pelajar di institusi pengajian tinggi.

1.2 Latar Belakang Kajian

Enam aspirasi murid yang ingin dicapai adalah kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, pengetahuan, etika kerohanian, dan identiti nasional seperti





terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025). Bagi mencapai hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (PPK, 2001), murid-murid perlu didedahkan dengan pelbagai kemahiran yang mana hasrat ini tidak berlaku sepenuhnya (Umi Nadiha et al., 2011). Menurut beliau lagi, guru perlu bersedia dengan kemahiran dan pengetahuan selari dengan keperluan pendidikan kini yang memerlukan pengajaran dan pembelajaran berpusatkan murid walaupun terdapat kesukaran dalam melaksanakannya. Sehubungan itu, pengkaji menjalankan kajian ini adalah bagi mendukung hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013-2025) untuk mentransformasikan bidang pendidikan.



Transformasi pendidikan perlu melibatkan banyak pihak sama ada secara langsung atau tidak langsung terlibat dalam bidang pendidikan. Malah pendidikan perlu sentiasa seiring dengan perubahan dan perkembangan zaman ke hadapan (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, 2015). Guru-guru perlu bersiap sedia dengan perubahan yang dilakukan dan dapat mengurus dengan cekap pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan agar lebih menarik dan mengikut keperluan murid zaman ini. Guru perlu mengetahui dan bersedia melakukan perubahan dalam pengajaran dan pembelajaran sesuai dengan pembelajaran abad ke-21. Inisiatif pembelajaran abad ke-21 secara rintis telah dilancarkan pada tahun 2014 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan disebar luas pelaksanaan ke semua negara mulai tahun 2015.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia mendukung Falsafah Pendidikan Kebangsaan berhasrat ingin melahirkan individu yang memiliki ciri-ciri holistik. Falsafah





Pendidikan Kebangsaan yang digubal pada tahun 1988 dan disemak semula pada tahun 1996 telah merumuskan, pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Menurut Mustapa et al. (2007), Perdana Menteri Malaysia yang kelima iaitu Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, dalam ucapan sempena menyambut kemerdekaan negara ke-40 telah meminta masyarakat agar sentiasa melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu pengetahuan dan kemahiran terbaru dalam semua bidang (Perutusan Hari Kebangsaan ke-40: 100)



Setiap masyarakat perlu melengkapkan diri daripada segala sudut dan ilmu pengetahuan yang berasaskan teknologi tinggi sehingga memupuk semangat kebangsaan yang unggul di dalam jiwa masing-masing. Jika masyarakat tidak bersedia menghadapi perubahan dunia, negara pasti tidak akan mampu bersaing dengan negara-negara maju lain. Menurut Ramlee dan Abu (2004), kerajaan menubuhkan sekolah pintar misalnya bertujuan untuk melahirkan generasi Y yang kreatif dan inovatif serta dapat mengadaptasikan teknologi terkini, mampu mengakses dan mengurus maklumat serta menjadikan mereka tenaga kerja yang berdaya saing serta produktif. Selain itu, usaha ini adalah bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Akta Pendidikan 1996, Akta 550). Melalui akta pendidikan tersebut, hasrat pendidikan negara





tidak akan tercapai sekiranya semua pihak khususnya para pendidik tidak mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan pendidikan negara turut berubah.

Para pendidik perlu menguasai segala perubahan untuk diterjemahkan kepada murid merupakan antara unsur penting serta dapat membantu murid-murid dalam menguasai sesuatu ilmu dan pengalaman yang baharu (Bahagian Pendidikan Sekolah Harian, 2015.) Perkembangan kemahiran insaniah dalam berbahasa misalnya amat bergantung kepada kebolehan pengintegrasian dengan kemahiran-kemahiran yang lain seperti kemahiran berfikir, kemahiran pemudahcaraan, kemahiran belajar, kemahiran menilai dan mentaksir dalam pengajaran, dan tidak kurang pentingnya kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (Zamri & Mohamed Amin 2008). Perubahan guru dalam pendidikan berkait dengan beberapa faktor iaitu melibatkan kematangan, minat, kemahiran asas, pengetahuan, pengalaman dan motivasi. Faktor-faktor ini sangat membantu dalam mewujudkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih aktif, mudah, seronok dan berkesan.

Perubahan dalam pengajaran akan mewujudkan keseronokan menghadapi pembelajaran antara murid dengan guru. Guru kebiasaannya menggunakan kaedah pengajaran sedia ada perlu berubah kepada pengajaran yang berbentuk inovasi (Arniza & Zamri, 2018). Hal ini penting kerana, guru yang inovatif seharusnya melahirkan lebih banyak idea dalam meningkatkan pengajaran mereka di dalam bilik darjah. Oleh itu, pelbagai panduan yang melibatkan kurikulum perlu dirancang bertujuan membimbing guru dalam melaksanakan PdP. Penyelidik membangunkan kit Kemahiran Insaniah Bahasa





Melayu (kit KIBM) dalam pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu bertujuan untuk melihat penguasaan bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah murid. Mata pelajaran Bahasa Melayu dipilih kerana sesuatu kajian yang dijalankan berkaitan kurikulum perlu lebih fokus dalam pengajaran tertentu untuk memudahkan pelaksanaan kajian dilakukan. Justeru, kajian berkaitan pengajaran bahasa Melayu menggunakan kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) adalah percubaan sebagai usaha mempelbagaikan pengajaran guru.

Hal ini amat penting supaya pembangunan pendidikan di negara ini sentiasa mengambil kira perubahan dan perkembangan yang berlaku pada abad ini dan melihat ke hadapan (Sufean, 2004). Guru perlu mempelbagaikan pengajaran mereka dalam bilik darjah agar dapat menarik minat murid seterusnya mencapai hasrat pendidikan negara yang menginginkan pembelajaran abad ke-21. Pengajaran abad ke-21 ini pelaksanaannya harus berpusatkan murid dan guru hanya sebagai pemudahcara dalam melaksanakan pengajaran mereka (PPPM, 2013-2025). Sehubungan itu, guru perlu mengambil satu pendekatan dengan menyediakan bahan sokongan yang sesuai dalam pengajaran bahasa Melayu sebagai rangsangan kepada murid melaksanakan PdP di dalam bilik darjah. Menurut Habib (2008) guru perlu menukar cara sedia ada dalam pengajaran mereka dan memberi penambahbaikan kepada kaedah mengajar dengan menerapkan kemahiran bernilai tambah.

Melalui bidang pendidikan di sesebuah negara, penggunaan sesuatu bahasa sebagai bahasa pengantar di institusi-institusi pengajian merupakan strategi utama untuk memperkasa sesuatu bahasa kerana melalui sistem pendidikan sesuatu bahasa itu dapat





ditebarluaskan, digunakan, dikuasai dalam kalangan masyarakat sesebuah negara bangsa dan diwariskan kepada generasi akan datang (Hashim & Halimah, 2012). Hal ini penting kerana bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu menunjukkan identiti bangsa (Asmah, 2003). Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang digariskan memiliki hasrat ingin menjadikan warganegara berpengetahuan, memiliki keterampilan, berakhlak mulia, beretika, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap kesepaduan dan keamanan negara (Abu Bakar & Ikhsan, 2008). Semua ini tidak berlaku sekiranya masyarakat tidak mahir serta dapat menguasai sesuatu bahasa dengan baik.

Dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu melalui Kurikulum Bersepadu Sekolah



05 Menengah, menggariskan bahawa pendidikan bahasa Melayu penting untuk mewujudkan rasa bangga terhadap bahasa yang mencerminkan budaya dan pemikiran rakyat serta berperanan sebagai pemangkin kepada semangat cinta akan tanah air (KPM, 2015). Pengajaran bahasa Melayu pada peringkat sekolah bertujuan mewujudkan asas kewarganegaraan yang tinggi dalam diri murid. Penguasaan bahasa Melayu sangat bererti dalam pendidikan di Malaysia kerana bahasa tersebut menjadi asas utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana murid perlu boleh berkomunikasi dengan baik sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan untuk berhubung dengan pihak lain.

Pelbagai bentuk kemahiran telah dicadangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dikuasai murid. Namun demikian, penyelidik memilih kemahiran insaniah kerana kemahiran ini mula dikembangkan di Institusi Pengajian Tinggi bagi





kebolehpasaran graduan dalam bidang kerjaya kelak tetapi masih kurang dilaksanakan di peringkat sekolah (Arniza & Zamri, 2018). Di peringkat sekolah, kemahiran insaniah atau lebih dikenali sebagai kemahiran bernilai tambah (KBT) dilaksanakan dengan sedikit pengubahsuaian atau modifikasi daripada konsep kemahiran insaniah. KBT merupakan kemahiran yang diperoleh melalui aplikasi kemahiran generik melalui pendekatan, teknik serta kaedah tertentu dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Namun, kemahiran ini belum dilaksanakan secara menyeluruh selaras dengan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang mengandungi elemen-elemen penting iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir kritis dan menyelesaikan masalah, pembelajaran berterusan, kemahiran kepimpinan, etika dan moral, kerja berpasukan, dan kemahiran keusahawanan yang perlu diterapkan dalam pengajaran mata pelajaran bahasa Melayu (Arniza & Zamri, 2018). Oleh itu, peranan guru-guru amat penting untuk memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan menerapkan kemahiran insaniah dalam diri murid-murid (Ahmad Anuar & Ahmad Esa, 2010). Pada masa ini kemahiran insaniah banyak dilaksanakan serta dibincangkan di Institut Pengajian Tinggi. Kemahiran insaniah masih kurang diberi perhatian yang penting pada peringkat sekolah menengah walaupun kemahiran ini sebagai persediaan awal kepada murid-murid untuk menghadapi pembelajaran di institusi pengajian tinggi dan bidang kerjaya kelak. Perkara ini menyebabkan penyelidik berasa perlunya kajian ini dilakukan sebagai panduan kepada guru yang ingin mengembangkan kemahiran insaniah dalam pengajaran mereka.





Annamalai, Othman dan Abdullah (2012) menyatakan berasaskan pegangan teguh serta kepercayaan kepada Tuhan, kemahiran insaniah merupakan sekumpulan kemahiran yang bertujuan untuk melengkapkan pembentukan insan supaya seimbang serta harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal. Mohd Salleh et al. (2010) menyatakan kemahiran insaniah perlu dimiliki oleh seseorang agar memainkan peranan sewaktu melakukan pekerjaan mengikut kemahiran-kemahiran khusus yang dimiliki. Pendidikan dan kemahiran yang dimiliki masyarakat amat penting untuk dirinya sendiri, masyarakat dan negara. Menurut Dora et al. (2008) kemahiran insaniah merupakan usaha untuk melahirkan insan yang mempunyai pendidikan, ilmu, kemahiran, inovatif, terlatih dan beretika.



Ahmad et al. (2004) menyatakan penerapan kemahiran insaniah sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kepada para murid perlu dilaksanakan menerusi penyediaan kurikulum yang sistematik, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai. Sehubungan itu, kurikulum yang sesuai perlu dibangunkan dengan kebolehan murid agar pendidikan negara terus berkembang seiring dengan kemajuan negara. Guru perlu mempelbagaikan reka bentuk kurikulum yang disampaikan kepada murid agar mereka minat untuk menguasai mata pelajaran tersebut. Pelbagai reka bentuk kurikulum yang digunakan bukan sahaja boleh memberi kesan kepada pencapaian sesuatu mata pelajaran malah kemahiran-kemahiran lain diharap dapat dikuasai murid. Justeru, kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) yang dibangunkan bertujuan untuk melihat kesan penguasaan murid dalam bahasa Melayu dan seterusnya melihat perkembangan kemahiran insaniah murid.





1.3 Penyataan Masalah

Isu gagal mata pelajaran Bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) menjadi perhatian ramai apabila penyataan ini turut dikongsikan melalui berita Astro Awani pada 1 November 2017. Penulis Shafizan menyatakan sekitar lapan ke sembilan peratus calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu sejak beberapa tahun yang lalu walaupun realitinya bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan yang mendominasi sistem persekolahan di negara ini. Pada tahun 2015 jumlah calon gagal bahasa Melayu SPM adalah seramai 40,102 manakala pada tahun 2016 seramai 35,197 orang murid gagal bahasa Melayu (Shafizan, 2017). Perkara ini agak membimbangkan kerana walaupun murid gagal dalam Sijil Pelajaran Malaysia dikatakan menurun saban tahun namun, jumlah murid yang gagal dalam mata pelajaran Bahasa Melayu SPM masih tinggi iaitu kira-kira 30 ribu orang setahun. Justeru penyelidik cuba membangunkan satu alat dalam kurikulum yang bertujuan untuk melihat penguasaan murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu selepas diajar menggunakan kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM).

Berdasarkan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu (2016-2025), cabaran utama yang dihadapi murid adalah penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu standard yang masih kurang memuaskan. Hal ini dapat dilihat melalui pencapaian bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia yang masih jauh daripada sasaran dan belum mencapai tahap kecekapan berbahasa (KPM, 2017). Keputusan gred kepujian Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia tahun 2013 hingga 2015 selari dengan hasil kajian Universiti Pendidikan Sultan Idris yang mendapati kompetensi murid sekolah rendah dan sekolah





menengah dalam bahasa Melayu belum mencapai tahap cemerlang. Oleh itu, sasaran untuk mencapai 90.0 peratus kepujian dalam Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia pada tahun 2025 masih agak jauh memandangkan jurang pencapaian yang besar, iaitu melebihi 20.0 peratus (KPM, 2017). Dapatan ini merupakan cabaran kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan strategi memperkukuh penguasaan asas kemahiran berbahasa Melayu murid dapat dicapai selaras dengan matlamat Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Kemahiran lisan merupakan elemen penting bagi menentukan keupayaan berkomunikasi. Namun begitu, pada keseluruhannya pencapaian murid masih lemah dalam kemahiran lisan bahasa Melayu dan berterusan hingga ke peringkat lepasan menengah (KPM, 2017).



Seterusnya, guru perlu kreatif dalam menyampaikan pengajaran mereka bagi menarik minat murid dalam sesuatu mata pelajaran yang disampaikan. Dapatan Kementerian Pendidikan Malaysia (2016-2025) berkaitan minat murid terhadap bahasa Melayu mendapati sebanyak 35.8 peratus tidak minat, 30.7 peratus sangat tidak minat dan 22.6 peratus kurang minat membaca karya bahasa Melayu. Perkara ini memerlukan satu pendekatan yang baharu bagi menarik minat murid kembali untuk mempelajari bahasa Melayu. Laporan yang diterbitkan dalam akhbar Sinar Harian pada 9 Mac 2014 agak menyentuh hati pendidik yang telah banyak menabur bakti dalam dunia keguruan apabila terdapat murid yang menyatakan mereka bosan dengan cara guru mengajar. Rentetan kenyataan akhbar tersebut, fokus utama cuba disampaikan dalam laporan tersebut adalah pengajaran guru yang tidak menarik menyebabkan murid kurang meminati mata pelajaran Bahasa Melayu dan ada segelintir murid ponteng sekolah. Hal ini kerana penggunaan unsur





pengajaran yang menyeronokkan menyebabkan guru sentiasa disenangi oleh murid. Justeru guru yang menggunakan kaedah dan kepelbagaian sumber dalam pengajaran bahasa Melayu amat penting bagi menarik minat murid belajar (KPM, 2017).

Menurut Nik Nor Ahmarizam (2015), jika pengajaran guru kurang menarik menjadi punca murid ponteng sekolah maka guru Bahasa Melayu dan guru-guru mata pelajaran lain perlu mencari pendekatan, kaedah, strategi, dan teknik pengajaran baharu agar murid pascamerdeka ini suka akan guru sekali gus pengajaran guru. Rancangan pengajaran ini disediakan melalui penggunaan kit KIBM adalah untuk membantu guru dan murid melaksanakan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 di dalam bilik darjah seterusnya menerapkan elemen kemahiran insaniah. Amalan pengajaran konvensional melalui cara '*chalk and talk*' tidak lagi relevan (Yahya & Roslan, 2012). Hal ini kerana guru lebih memberi tumpuan kepada penguasaan isi kandungan serta menganggap penyerapan kemahiran ini tidak penting dan mengganggu usaha menghabiskan sukatan pelajaran untuk tujuan peperiksaan. Malah pemahaman guru berkaitan kemahiran insaniah atau kemahiran bernilai tambah masih kurang jelas (Yahya & Roslan, 2012).

Tidak dinafikan bahawa kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi telah dan sedang dimanfaatkan di sekolah-sekolah bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran murid-murid. Walau bagaimanapun, tidak semua sekolah-sekolah di Malaysia mendapat kemudahan tersebut terutama sekolah-sekolah yang berada di luar bandar. Menurut Ting dan Woo (2005) di sebalik cabaran-cabaran yang wujud dalam penggunaan ICT, cabaran lain adalah disebabkan kekurangan kemudahan dan bahan sokongan, jurang ICT dan





digital, dan sumber kewangan yang tidak mencukupi. Mereka menyarankan agar pihak sekolah sentiasa meningkatkan infrastruktur yang ada sekiranya penggunaan ICT hendak dikembangkan. Justeru penyelidik berasa kesan penggunaan Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) semasa menyediakan rancangan pengajaran harian walaupun bercorak tradisional sedangkan pendidikan negara telah menuju era pendidikan 4.0 masih relevan. Dalam pengajaran bahasa Melayu, proses pengajaran dan pembelajaran masih memerlukan alternatif kepada aplikasi-aplikasi teknologi maklumat kerana penggunaan komputer dalam PdP Bahasa Melayu pada tahap sederhana (Norhiza, 2014).



Kemahiran insaniah atau kemahiran bernilai tambah sangat penting kerana telah terkandung dalam ciri-ciri pendidikan abad ke-21 (PPPM, 2013-2025) namun kurang dilaksanakan secara eksplisit (Arniza & Zamri, 2018). Hal ini demikian kerana guru ada kalanya sedar tentang kewujudan kemahiran insaniah ini namun untuk melaksanakannya mereka masih kurang jelas akan penggunaannya (Abdullah, 2006). Berdasarkan pencerapan mengajar sejak tahun 2003, Abdullah (2006) menyatakan guru pelatih tidak mengetahui cara menyerap kemahiran insaniah ataupun kemahiran bernilai tambah. Guru juga kurang memahami cara mengaplikasikan kemahiran insaniah di dalam bilik darjah menyebabkan kewujudan kemahiran ini kurang diambil berat di peringkat sekolah kerana kemahiran insaniah dikhuatiri akan melengahkan masa PdP sekiranya dilaksanakan oleh guru (Mohd Faizullah, 2014).

Selain itu, guru perlu menghabiskan silibus bagi mata pelajaran yang disampaikan. Guru juga kurang mahir mengintegrasikan elemen-elemen kemahiran insaniah dalam





topik-topik pengajaran mereka menyebabkan kemahiran insaniah ini wujud tetapi tidak jelas pelaksanaannya dalam pengajaran guru (Arniza & Zamri, 2018). Justeru, kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) ini dibangunkan berdasarkan tema-tema yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu yang menyerap kemahiran insaniah dalam pengajaran agar guru-guru Bahasa Melayu lebih jelas akan pelaksanaannya. Kebanyakan kajian terdahulu lebih tertumpu kepada satu jenis kemahiran insaniah, manakala kajian yang melibatkan penyerapan kemahiran insaniah secara menyeluruh masih belum meluas.

Walaupun kajian berkaitan penyerapan kesemua kemahiran bernilai tambah ataupun kemahiran insaniah telah dipelopori oleh Arniza dan Zamri (2018) namun, kajian ini dilakukan bagi menyokong usaha-usaha penyelidik tersebut serta mempelbagaikan pengetahuan guru dan murid berkaitan kemahiran insaniah yang perlu dikuasai. Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) antara inovasi yang dihasilkan oleh penyelidik bagi menyahut hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menambah baik pengajaran yang disampaikan guru. Y.A.B Dr Maszlee Malik mantan Menteri Pendidikan Malaysia pernah menyatakan hasrat beliau supaya semua pihak gembira ke sekolah iaitu guru gembira dan murid juga gembira. Oleh itu, bagi memastikan semua pihak gembira, guru perlu mengubah cara mengajar daripada cara sedia ada kepada pengajaran yang menghasilkan inovasi dalam penyampaian mereka.





1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- 1.4.1 Menilai pembangunan kit KIBM dalam pengajaran bahasa Melayu tingkatan empat untuk penguasaan bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah murid.
- 1.4.2 Mengenal pasti perkembangan penguasaan bahasa Melayu murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu yang menggunakan kit KIBM.
- 1.4.3 Mengenal pasti perkembangan kemahiran insaniah murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu yang menggunakan kit KIBM.



1.5 Soalan Kajian

Soalan kajian adalah seperti berikut :

- 1.5.1 Sejauh mana kit KIBM yang dibangunkan dalam pengajaran bahasa Melayu tingkatan empat dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah murid?
- 1.5.2 Sejauh mana penguasaan aspek bahasa Melayu murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu menggunakan kit KIBM?



1.5.3 Sejauh mana perkembangan kemahiran insaniah murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Melayu menggunakan kit KIBM?

1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dijalankan adalah khusus kepada pembina dan penggubal kurikulum, pelaksana kurikulum, para guru dan para penyelidik. Pendidikan di negara ini memerlukan perubahan selaras tuntutan semasa, maka penyelidik cuba menggunakan pendekatan baharu dalam pengajaran bahasa Melayu melalui penggunaan kit KIBM yang dibangunkan bagi meningkatkan penguasaan aspek bahasa Melayu dan mengembangkan kemahiran insaniah murid. Perkara ini penting kerana sukatan pelajaran yang dibekalkan juga hanya mengandungi objektif serta cadangan-cadangan pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dilaksanakan para guru tetapi tiada panduan khusus bagi isi kandungan pengajaran tersebut dikembangkan (Arniza & Zamri, 2018). Oleh itu, pengajaran yang menggunakan kit KIBM ini diharap dapat memberi panduan secara eksplisit kepada para guru untuk melaksanakan pengajaran mereka khususnya dalam menerapkan elemen kemahiran insaniah semasa PdP Bahasa Melayu berlangsung.

Menurut Idris dan Dahlia (2006), guru perlu memberi pendedahan dan panduan dalam melaksanakan kemahiran insaniah di dalam bilik darjah. Kurikulum di Malaysia bersifat dinamik dan mengambil kira keperluan negara, perubahan dan kehendak semasa



setanding dengan negara maju. Melalui kajian ini pihak yang terlibat dengan perancangan pendidikan dan kurikulum seperti Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) dan Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) dapat dimanfaatkan oleh pihak yang terlibat bagi mengorak langkah yang dinamik dalam menyediakan perancangan kurikulum, pelarasan kandungan kurikulum dan inovasi pelaksanaan kurikulum. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat menjadi sumber maklumat kepada perancang kurikulum untuk meningkatkan pembelajaran ke arah perkembangan kemahiran insaniah bagi melahirkan modal insan yang menyeluruh, harmonis, seimbang dan bersepadu (KPM, 2001).

Pengaplikasian kemahiran insaniah dalam pendidikan di Malaysia telah diperkenalkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi bagi membantu murid bersaing dalam bidang kerjaya kelak (UPSI, 2007). Walau bagaimanapun kemahiran insaniah di peringkat sekolah menengah masih baru dan belum meluas terutamanya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (Arniza & Zamri, 2018). Sehingga kajian ini dilakukan, perkembangan kemahiran insaniah semasa proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu belum tertulis secara eksplisit penggunaan dalam rancangan pengajaran harian guru. Kajian yang menggunakan kit KIBM dalam pengajaran bahasa Melayu dicadangkan dalam kajian ini bertujuan untuk perkembangan kemahiran insaniah murid melalui PdP yang dilaksanakan oleh guru.

Secara tidak langsung, kit KIBM yang dibangunkan dalam rancangan pengajaran harian guru bukan hanya untuk perkembangan kemahiran insaniah malah untuk melihat peningkatan penguasaan bahasa Melayu. Perkara ini selari dengan pendapat Naffi (2009),





bahawa beberapa pengubahsuaian dan penambahan elemen baharu dalam PdP perlu diintegrasikan dalam kandungan kurikulum. Seterusnya, para guru akan dapat menggunakan medium ini untuk mengenal pasti sejauh mana kesan pengembangan kemahiran insaniah dalam pengajaran bahasa Melayu melalui penggunaan kit KIBM dapat membantu pengajaran dan pembelajaran mereka. Pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kit KIBM dengan mengintegrasikan kemahiran insaniah perlu dikenal pasti kesannya kepada pengajaran guru. Selain itu, penggunaan kit KIBM ini perlu membantu guru-guru dalam mengaplikasikan kaedah pembelajaran abad ke- 21 dengan lebih mudah (Nurul Haniza, 2017). Tidak dapat dinafikan, pada awal sesuatu inovasi itu cuba dihasilkan guru atau penyelidik perlu mengambil masa dan kesabaran, namun apabila sesuatu inovasi itu berjaya dihasilkan, bahan tersebut mudah digunakan semasa hendak menjalankan PdP



Kajian ini juga untuk membantu guru-guru mendapatkan maklumat tentang cara perkembangan kemahiran insaniah pada peringkat awal proses pengajaran dan pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu yang demokratik perlu divariasikan guru bagi menyokong pembelajaran abad ini (Arniza & Zamri, 2018). Pada abad ke-21 ini, kurikulum yang disampaikan seseorang guru perlulah segar dan berinovasi, bermaklumat, melibatkan media dan teknologi, dan kebolehan berdikari (Saedah, 2015). Pencapaian murid-murid tidak dilihat berdasarkan keputusan akademik semata-mata sebaliknya murid dilihat perlu menguasai pelbagai bidang kemahiran yang luas untuk bersaing dengan orang lain (KPM, 2013). Oleh itu, kemahiran insaniah perlu diterapkan di dalam diri murid agar dapat melahirkan insan yang seimbang selaras dengan hasrat





Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut (Mahyudin & Sri Dewi, 2011) kerja berpasukan, nilai positif, pembelajaran berterusan, kepimpinan dan komunikasi merupakan elemen-elemen kemahiran insaniah yang melibatkan aspek kognitif serta berhubung dengan kemahiran bukan akademik namun dijadikan perkara utama dalam modul pembangunan kemahiran insaniah.

Melalui penggunaan kit KIBM dalam pengajaran bahasa Melayu maka kit ini juga akan menjadi saluran kepada murid untuk melalui proses PdP yang menyeronokkan serta memenuhi ciri-ciri abad pembelajaran ke-21. Selain itu, murid-murid dapat memperkembangkan kemahiran insaniah dalam diri mereka tanpa perlu dibimbing oleh guru sepenuhnya setiap kali PdP dilaksanakan. Kit KIBM ini juga dapat menarik minat 05 murid untuk belajar bahasa Melayu serta meneroka sesuatu topik agar tidak membosankan. Hal ini kerana pengajaran yang mengandungi maklumat pendidikan dengan mengintegrasikan teks, kesan bunyi, vokal, muzik, animasi, video serta perisian komputer yang interaktif lebih menarik minat murid (Kamarul & Ab. Halim, 2007).

Dapatan ini juga penting kepada pusat-pusat pengajian dalam bidang pendidikan yang ingin melahirkan guru baharu untuk mengembangkan kemahiran insaniah. Kelemahan guru baharu yang dilahirkan institusi pendidikan guru bukan sahaja terhad kepada kekurangan pengetahuan dan kemahiran seperti dapatan kajian oleh Mohammed Sani dan Zuraidda (2002) tetapi kelemahan guru baharu juga meliputi kemahiran mengajar yang kurang lengkap atau cetek (Lay Yoon Wah, 2005). Oleh itu, kajian mengenai kemahiran insaniah ini perlu dikuasai bakal guru di institusi pendidikan guru baharu





sebagai melengkapkan lagi persediaan sebelum melangkah kaki ke sekolah sebagai guru baharu yang diberi penempatan.

Dapatan kajian ini juga diharap dapat memberi maklum balas kepada para penyelidik untuk meneruskan usaha penyelidikan berkaitan kemahiran insaniah dalam pendidikan khususnya di peringkat sekolah. Hal ini demikian kerana kemahiran insaniah dapat mewariasikan pengajaran guru agar lebih menarik dan berinovatif. Sehubungan itu, dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang kepada perkembangan penyelidikan berkaitan pengembangan elemen kemahiran insaniah dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya bagi mata pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah.



1.7 Batasan Kajian

Kajian ini terbatas kepada beberapa perkara. Pertama, responden kajian yang digunakan. Dalam kajian ini, seramai 75 orang murid telah diajar menggunakan kit KIBM oleh tiga orang guru mata pelajaran Bahasa Melayu. Pemilihan responden kajian dalam kalangan murid tingkatan empat adalah bagi memenuhi arahan Jabatan Pendidikan Negeri Perak yang tidak membenarkan pengumpulan data dari kelas peperiksaan. Responden kajian juga dipilih daripada murid yang mempunyai pencapaian sederhana dalam mata pelajaran Bahasa Melayu bagi mengelak dapatan kajian yang disebabkan faktor lain iaitu pengetahuan sedia ada murid dan bukan disebabkan penggunaan kit. Seterusnya,





penyelidik tidak memilih murid dari kelas belakang untuk mengelakkan gangguan sepanjang PdP dijalankan.

Perkara kedua adalah responden daripada kalangan guru yang mengajar bahasa Melayu dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga tahun mengajar bahasa Melayu. Guru-guru yang terlibat dalam kajian telah diberi pendedahan lebih awal berkaitan penggunaan kit KIBM. Guru-guru juga telah diberi pemahaman oleh penyelidik berkaitan aspek bahasa Melayu yang perlu dikuasai murid. Selain itu, guru-guru diberi pendedahan berkaitan kemahiran insaniah dan elemen-elemen yang terkandung dalam kemahiran insaniah. Setelah guru benar-benar memahami kemahiran insaniah yang perlu diterapkan kepada murid, barulah mereka melaksanakan PdP yang dirancang. Guru-guru perlu memberi arahan kepada murid berkaitan kandungan kit serta cara kit tersebut digunakan. Sepanjang murid menggunakan kit KIBM dalam pengajaran, guru-guru perlu melakukan pemerhatian setiap hari khususnya semasa PdP dijalankan bagi memahami perkara yang berlaku di sekeliling mereka (Othman, 2017). Guru perlu melakukan pemerhatian kerana pemerhatian dijalankan bersama dengan temu bual.

Perkara ketiga ialah responden yang terlibat ialah pemerhati. Pemerhati terdiri daripada guru kanan bahasa yang perlu mencatat perkara-perkara yang diperhatikan dalam borang pemerhatian. Sebelum pemerhatian dilakukan, para pemerhati telah diberi panduan berkaitan aspek bahasa Melayu dan elemen-elemen kemahiran insaniah yang perlu diperhatikan. Setiap perkara yang perlu diperhatikan telah disediakan dalam borang senarai semak pemerhatian agar para pemerhati dapat memberi keutamaan kepada perkara yang





perlu dilihat. Pemilihan pemerhati dalam kalangan guru kanan bagi memastikan kesahan diperoleh lebih tinggi. Hal ini kerana, sekiranya guru mata pelajaran yang melakukan pemerhatian sendiri bagi melengkapkan senarai semak yang disediakan, dikhuatiri maklumat yang diberikan kurang kebolehpercayaan kerana guru bimbang perkara yang diperhatikan secara tidak langsung mempengaruhi pengajaran mereka. Justeru, data yang dikemukakan mungkin berlaku ‘bias’.

Perkara keempat berkaitan batasan kajian adalah masa. Kajian ini dilaksanakan dalam enam minggu. Seramai tiga orang guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu diberi pendedahan berkaitan penggunaan kit KIBM dan perkara-perkara yang perlu diperhatikan seperti yang terdapat dalam borang pemerhatian. Masa enam minggu sangat sesuai kerana kajian yang kurang daripada enam minggu dikhuatiri bukan disebabkan penggunaan kit KIBM, sebaliknya pengetahuan sedia ada murid. Jangka masa lebih daripada enam minggu pula dikhuatiri responden kajian bosan untuk mengikuti PdP. Masa kajian adalah berdasarkan jadual pembelajaran bahasa Melayu yang memperuntukkan enam waktu seminggu. Selepas enam minggu, penyelidik telah menemu bual guru dan murid yang telah menggunakan kit KIBM dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Perkara kelima berkaitan batasan kajian adalah tempat. Kajian ini melibatkan tiga buah sekolah di daerah Manjung. Tempat kajian ini dipilih bagi memudahkan penyelidik untuk bergerak ke tempat kajian untuk mengumpulkan data. Selain itu, pemilihan sekolah-sekolah ini adalah disebabkan pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu yang hampir





sama antara sekolah berkenaan. Sekolah-sekolah di Manjung juga agak istimewa apabila kebanyakan sekolah kebangsaan dihuni oleh murid yang majoritinya dalam kalangan murid Melayu. Bagi murid dari kaum lain iaitu Cina dan India, mereka memilih untuk bersekolah di sekolah yang asalnya aliran jenis kebangsaan. Justeru, sekolah-sekolah yang menjadi pilihan penyelidik dilihat memenuhi ciri-ciri yang dikehendaki selain mendapat kerjasama yang baik daripada pihak sekolah berkenaan.

Batasan kajian yang keempat adalah menggunakan kit KIBM sebagai bahan pengajaran. Kit KIBM yang diterapkan dalam rancangan pengajaran meliputi aspek-aspek penguasaan bahasa seperti pengetahuan tatabahasa, kefahaman KOMSAS, penulisan karangan dan pindah maklumat dalam merumus. Penyelidik telah meneliti dan membangunkan kit KIBM lebih awal sebelum diterapkan dalam rancangan pengajaran guru. Perkara ini bagi membolehkan guru-guru memahami bahagian mana elemen-elemen kemahiran insaniah ini perlu diterapkan dan tidak tersasar daripada tema-tema dalam sukatan pelajaran bahasa Melayu.






1.8 Kerangka Model

Kerangka model yang dibincangkan dalam kajian ini merupakan model-model yang digunakan dalam perkembangan kurikulum. Melalui pembangunan kurikulum untuk sesuatu mata pelajaran, model-model kurikulum akan digunakan oleh para penggubal kurikulum sebagai panduan. Model kurikulum menggariskan pendekatan, kaedah dan prosedur pembangunan kurikulum serta pelaksanaan dan penilaian kurikulum. Model kurikulum telah dikemukakan oleh pakar-pakar kurikulum antaranya Tyler (1950), Taba (1962), Saylor dan Alexander (1974), dan Oliva (2005).

Sejak model-model pengembangan kurikulum diperkenalkan, terdapat banyak penulisan sama ada di dalam atau di luar negara yang menggunakan model-model pengembangan tersebut. Namun, dalam kajian ini, penyelidik menggunakan model Tyler untuk mengembangkan kerangka kajiannya. Rajah 1.1 menunjukkan model perkembangan kurikulum yang digunakan penyelidik untuk penguasaan bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah melalui penggunaan kit KIBM.





Rajah 1.1: Kerangka Model pembangunan kurikulum





Model Tyler merupakan model perkembangan kurikulum yang paling terkemuka kerana salah satu antara model yang memberi tumpuan kepada fasa perancangan. Tyler menjelaskan tentang proses pemilihan objektif begitu dikenali oleh pembina kurikulum dan digunakan sehingga kini dalam pembinaan perancangan pengajaran. Hal ini demikian kerana, walaupun Tyler mencadangkan suatu model yang komprehensif tentang pembinaan dan perkembangan kurikulum dalam kajiannya, pemilihan objektif mendapat lebih perhatian para pendidik. Pendidikan di Malaysia misalnya sangat sinonim dengan model Tyler kerana setiap rancangan pengajaran yang disusun perlu mengandungi objektif pengajaran. Perancangan kurikulum yang menggunakan model Tyler juga sesuai dengan tujuan dan misi sesuatu institusi pendidikan.



Menurut Tyler (1950) terdapat empat hal yang dianggap fundamental untuk perkembangan kurikulum. Pertama berkaitan dengan matlamat pendidikan yang ingin dicapai, kedua berkaitan dengan pengalaman belajar untuk mencapai tujuan, ketiga pengorganisasian pengalaman belajar dan keempat berkaitan dengan penilaian (Tyler, 1950). Matlamat pendidikan yang hendak dicapai ditentukan melalui penyusunan sesuatu kurikulum dan merumuskan tujuan sebagai langkah utama yang harus difikirkan terlebih dahulu dalam merancang kurikulum. Hal ini kerana, tujuan kurikulum dibina adalah menjadi arah atau sasaran pendidikan. Penggubal kurikulum hendaklah merancang cara yang sesuai kurikulum itu hendak digunakan dan kemampuan yang harus dimiliki murid setelah mengikuti sesuatu program pendidikan. Pembinaan kurikulum mestilah mempunyai tujuan yang hendak dicapai. Rumusan bagi tujuan pendidikan, sebenarnya





sangat bergantung kepada teori dan falsafah pendidikan serta model kurikulum yang digunakan.

Kurikulum yang demikian merupakan kurikulum yang berorientasikan disiplin. Berbeza dengan perkembangan kurikulum model humanistik yang lebih bersifat berpusatkan murid iaitu kurikulum yang lebih bersifat kepada perkembangan peribadi murid, maka yang menjadi sumber utama ialah murid itu sendiri, baik yang berhubung dengan perkembangan minat dan bakat serta keperluan untuk masa hadapan. Perkara ini berbeza dengan kurikulum rekonstruksi sosial. Kurikulum yang lebih bersifat berpusatkan masyarakat ini meletakkan kurikulum sekolah sebagai alat untuk memperbaiki kehidupan masyarakat, maka keperluan dan masalah-masalah sosial kemasyarakatan merupakan



05- sumber tujuan utama kurikulum.

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Walaupun secara teori, kurikulum ini mempunyai perbezaan antara kurikulum yang bersumber daripada disiplin akademik, kurikulum yang bersumber dari keperluan peribadi dan keperluan masyarakat, namun dalam pelaksanaannya tidak seperti yang terdapat dalam teori. Justeru, pembangunan kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) sebagai suatu panduan yang lengkap kerana menjadi panduan bagi PdP yang berpusatkan murid dan juga sebagai alat yang disediakan untuk panduan masyarakat. Menurut Tyler terdapat tiga sumber yang dapat digunakan untuk merumus matlamat pendidikan, iaitu individu sebagai murid, kehidupan zaman moden, dan pertimbangan pengamal bidang pendidikan. Pengalaman belajar adalah segala aktiviti murid dalam berinteraksi dengan persekitarannya (Tyler, 1950). Pengalaman belajar melibatkan aktiviti murid dalam proses pembelajaran.






Terdapat beberapa prinsip dalam menentukan pengalaman belajar murid. Pertama, pengalaman murid harus sesuai dengan tujuan yang ingin dicapai. Kedua setiap pengalaman murid harus memuaskan murid. Ketiga, setiap rancangan pengalaman murid adalah melalui pembelajaran yang melibatkan murid. Keempat, pengalaman belajar dapat mencapai tujuan yang berbeza.

Menurut Tyler, penilaian sebagai perbandingan antara hasil yang dikehendaki dengan hasil yang sebenarnya. Pendekatan Tyler memberi tumpuan kepada pengukuran tingkah laku dalam sesuatu objektif yang dibentuk dan juga menumpukan kepada hasil pembelajaran dari input pengajaran. Tyler juga telah membuat beberapa perubahan dalam konsepnya mengenai penilaian. Perubahan ini dikembangkan dalam definisi penilaiannya yang asal iaitu penilaian dalam program yang dicadangkan dibuat dengan membandingkan konsep sesuatu program dengan sebarang maklumat yang relevan untuk memantapkan sesuatu program yang dirancang. Dapatan kajian akan dibandingkan dengan matlamat program dan keputusan dibuat mengenai taraf pencapaian yang diperoleh. Mengikut Tyler, sekiranya matlamat program tidak tercapai sepenuhnya, ini membawa implikasi sama ada pelaksanaan program pembelajaran lemah atau matlamat yang dipilih tidak sesuai. Rajah 1.2 merupakan kerangka konseptual berkaitan kesan penggunaan Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) ke atas penguasaan bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah.



1.9 Kerangka Konseptual



Rajah 1.2: Kerangka konseptual kesan kesan penggunaan Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) ke atas penguasaan bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah. Implementasi Tyler, 1950



Berdasarkan kerangka model Tyler, kajian ini dapat menggambarkan aliran perkembangan kurikulum yang cuba dibawa oleh penyelidik. Melalui empat bahagian perkembangan kurikulum model Tyler, penyelidik memilih pengalaman pembelajaran untuk dikembangkan bagi melihat sejauh mana kajian ini tercapai. Pengkaji juga memilih pengalaman pembelajaran untuk meneroka sejauh mana kit KIBM dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah murid. Hal ini penting kerana hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang terkandung dalam kurikulum bersepadu sekolah menengah sebelum ini adalah untuk perkembangan potensi murid secara harmonis, seimbang serta menyeluruh dan bersepadu.



Sehubungan itu, penyelidik membangunkan kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) dalam pengajaran bahasa Melayu bertujuan untuk memberi

pengalaman kepada murid semasa dalam bilik darjah untuk menguasai mata pelajaran di samping dapat membina kemahiran yang ada PdP yang menggunakan kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) ini juga bertujuan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu meliputi aspek-aspek seperti tatabahasa, kefahaman, karangan dan pindah maklumat. Bagi perkembangan kemahiran insaniah yang diterapkan dalam pengajaran menggunakan kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) pula, penyelidik ingin melihat perkembangan elemen-elemen kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, kemahiran pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan, kemahiran etika dan moral dan kemahiran keusahawanan.





Pemilihan model Tyler dalam kajian ini sangat sesuai dengan kurikulum yang terdapat di Malaysia. Hal ini kerana kurikulum implementasi Tyler menekankan empat proses pengajaran perlu mempunyai matlamat pendidikan, pengalaman pembelajaran, organisasi pengalaman pembelajaran dan penilaian. Kurikulum yang dirancang di Malaysia amat mengutamakan matlamat pendidikan bagi memberi penilaian ke atas sesuatu pengajaran sama ada tercapai atau sebaliknya. Justeru model Tyler masih digunakan sehingga kita dalam rancangan pengajaran guru. Sesuatu pengajaran yang disediakan perlu mempunyai matlamat (objektif), proses pengalaman murid, organisasi pengalaman yang dibangunkan dan penilaian (refleksi) selepas sesuatu PdP dijalankan. Oleh itu, pemilihan model Tyler sangat sesuai dengan penggunaan kit KIBM melalui rancangan pengajaran guru.



Pembangunan pengajaran yang mengintegrasikan kemahiran insaniah melalui penggunaan kit KIBM, dapat memberi peluang kepada murid merasai sendiri pengalaman mereka dalam pembelajaran sama ada dapat menguasai aspek bahasa Melayu serta menerapkan kemahiran insaniah. Hal ini kerana menurut Tyler, kurikulum ialah segala pengalaman yang diarah, dikelola dan dilaksanakan oleh pihak sekolah untuk mencapai matlamat pendidikan yang ditentukan. Perkara ini penting kerana murid pada abad ke-21 ini memerlukan guru untuk membimbing mereka dalam menterjemah pengalaman sewaktu di dalam bilik darjah melalui cara kurikulum itu disampaikan berbanding penyampaian dalam bentuk teori dan konsep semata-mata. Sehubungan itu, murid perlu merasai sendiri pengalaman melaksanakan sebarang tugas di dalam bilik darjah dan bukan hanya menerima pengajaran yang disampaikan guru semata-mata. Justeru, kreativiti guru sangat





penting untuk memberi peluang kepada murid dalam memperoleh pengalaman sepanjang pembelajaran.

Melalui pengajaran bahasa Melayu yang merupakan mata pelajaran wajib di peringkat sekolah menengah, murid perlu satu pendekatan yang sistematik bagi mencapai hasrat sistem pendidikan negara. Sehubungan itu, satu pendekatan yang menarik dan berbeza pelaksanaannya hendaklah dibangunkan bagi melahirkan murid yang lulus dan cemerlang dalam mata pelajaran Bahasa Melayu (Idris & Dahlia, 2006). Beberapa kaedah boleh diterjemahkan bagi perkembangan kemahiran insaniah di peringkat sekolah menengah. Hal ini demikian kerana, guru di sekolah lebih mengenal kemahiran insaniah sebagai kemahiran bernilai tambah. Bagi meningkatkan pemahaman guru tentang kemahiran insaniah, guru perlu lebih diberi penekanan daripada awal agar kemahiran insaniah selari dengan penekanan di institusi pengajian tinggi. Hal ini demikian kerana, PdP pada abad ke-21 ini lebih tertumpu terhadap kemenjadian murid dalam segala bidang.

Perkembangan kemahiran insaniah di peringkat sekolah menengah perlu seiring dengan di institusi pengajian tinggi. Perkembangan kemahiran insaniah dalam diri murid juga perlu bagi menyahut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2015) yang ingin menjadikan murid dapat bersaing dengan cabaran dunia pendidikan dan alam kerjaya pada masa akan datang. Penguasaan dalam sesuatu mata pelajaran semata-mata tidak lengkap tanpa murid juga dapat menguasai sesuatu kemahiran (Arniza & Zamri, 2018). Perkara ini penting kerana PPPM menghendaki semua guru mata pelajaran dapat menilai murid melalui PBD yang dilaksanakan.



1.10 Definisi Operasional

Beberapa istilah telah digunakan dalam kajian ini. Definisi operasional yang digunakan dalam istilah kajian adalah seperti berikut:

1.10.1 Penggunaan

Menurut kamus Dewan edisi keempat, penggunaan bermaksud usaha atau kegiatan dan sebagainya dalam menggunakan sesuatu. Oleh itu, penggunaan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah kegiatan seseorang menggunakan sesuatu bagi mencapai tujuannya. Dalam kurikulum pula, penggunaan merujuk kepada pengamal kurikulum menggunakan apa-apa jua bahan untuk mencapai objektif pembelajaran. Selain itu, penggunaan sesuatu bahan membolehkan seseorang memperoleh pengalaman dalam pembelajaran mereka. Dalam kajian ini, penggunaan merujuk kepada kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu yang dibangunkan bertujuan untuk digunakan dalam pengajaran guru. Kesan penggunaan Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) yang dibangunkan secara terancang dan bersesuaian dengan keperluan murid untuk meningkatkan pencapaian. Namun begitu, sebelum proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM), penyelidik telah membangunkan kit terlebih dahulu melalui beberapa proses yang dirancang. Kesan penggunaan Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu diharapkan dapat meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah murid.



1.10.2 Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (Kit KIBM)

Pengajaran memerlukan perancangan serta pelbagai aktiviti yang dicadangkan perlu ditentukan sekiranya sesuatu proses pengajaran ingin dicapai dengan jayanya. Proses ini adalah gabungan sesuatu elemen yang dirancang antara guru dengan murid dalam melakukan aktiviti (Siti Hawa, Mazlen, Norasmah & Zamri, 2006). Kit KIBM dibangunkan bertujuan untuk mengawal aktiviti pengajaran di dalam bilik darjah. Menurut Johnson (2007), perancangan dapat mengawal pengajaran bagi memastikan objektif pembelajaran murid tercapai. Sehubungan itu, Cruikshank, Jenkins dan Metcalf (2003) berpendapat guru perlu mempunyai idea secara bertulis untuk perkembangan pengajaran mereka. Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (KIBM) merupakan intervensi yang diberi kepada responden kajian. Beberapa kajian menyatakan elemen kemahiran insaniah perlu dikembangkan dengan inovasi yang dapat digunakan murid dalam pembelajaran mereka. Menurut Nor Haiza (2010) keberkesanan PdP kajian masa depan dilihat dalam pelbagai hasil projek yang diaplikasikan.

Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) mengandungi aktiviti daripada beberapa subtopik dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang secara eksplisitnya untuk penguasaan bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah. Pembangunan kit ini adalah bergantung kepada objektif pembelajaran yang ditetapkan dan topik yang ingin disampaikan. Pembangunan kit yang digunakan dalam pengajaran juga bergantung kepada kreativiti guru dalam mempelbagaikan pengajaran mereka untuk membantu murid memahami isi pelajaran dengan lebih mudah. Terdapat empat aktiviti dalam kit KIBM yang telah dihasilkan oleh penyelidik dalam rancangan pengajaran harian iaitu 1) Dam



Peribahasa, 2) Kad Rangsangan Minda 3) Susun dan Capai 4) Roda Jaya. Setelah objektif pengajaran dan pembelajaran ditetapkan, guru akan memilih dan mengembangkan elemen kemahiran insaniah yang relevan dengan tajuk dan objektif pembelajaran aspek bahasa Melayu. Dalam kajian ini, penyelidik telah melakukan dua fasa iaitu fasa pertama membangunkan kit KIBM dan fasa kedua menggunakan kit KIBM dalam pengajaran bagi melihat kesan ke atas penguasaan bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah murid.

1.10.3 Penguasaan Bahasa

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2013 : 835) perkataan penguasaan adalah perihal menguasai atau menguasai. Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan (1995 : 940) pula mendefinisikan penguasaan sebagai pemahaman dan pencapaian. Penguasaan dalam berbahasa melibatkan beberapa kemahiran seperti kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis dan kemahiran komunikasi yang perlu dikuasai murid lebih awal sebelum menguasai aspek-aspek lain. Hal ini penting kerana seseorang yang ingin menguasai bahasa perlu dapat mendengar dengan baik, bertutur dengan bahasa yang jelas, mahir membaca, boleh menulis dengan baik dan mahir berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu standard. Dalam kajian ini, penguasaan bahasa merujuk kepada kebolehan murid menguasai dan memahami bahasa dengan cekap dan mahir bagi aspek tata bahasa, kefahaman, karangan dan pindah maklumat serta memperoleh pencapaian yang baik dalam bahasa yang digunakan.

1.10.4 Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Bahasa Melayu merupakan mata pelajaran teras yang wajib dikuasai murid pada peringkat sekolah dan menjadi syarat utama untuk melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya (PPK, 1996). Hal ini penting kerana melalui mata pelajaran Bahasa Melayu, guru dapat mencungkil kelebihan murid-murid dalam aspek-aspek tertentu. Juriah (2008) menyatakan martabat bahasa Melayu serta prestasi yang ditunjukkan murid melalui pencapaian mereka dalam mata pelajaran ini belum sampai pada tahap yang boleh dibanggakan dengan kualitinya. Mata pelajaran Bahasa Melayu merujuk kepada mata pelajaran wajib kepada semua murid dari sekolah rendah sehingga tingkatan lima. Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu sekolah menengah digubal bersesuaian dengan bahasa Melayu yang digunakan dalam kehidupan harian semasa berinteraksi dengan orang lain, mengakses maklumat, dan untuk memahami bahan bacaan.

Dalam kajian ini, kesan penggunaan Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu dalam pengajaran bertujuan untuk melihat penguasaan bahasa Melayu daripada aspek pengetahuan tatabahasa, kefahaman aspek Komponen Kesusasteraan Melayu, penulisan karangan dan pindah maklumat dalam rumusan. Kurikulum Bahasa Melayu menyediakan murid untuk menguasai kecekapan berbahasa dan berkomunikasi dengan menggunakan peraturan tatabahasa secara betul dan tepat. Pelajar mampu mengungkapkan bidang ilmu daripada pelbagai disiplin atau mata pelajaran di samping mengembangkan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Dalam kajian ini, pengetahuan tatabahasa adalah kebolehan murid berinteraksi dengan menggunakan morfologi dan sintaksis yang betul.



Kesan penggunaan Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu merujuk kepada aktiviti dan peribahasa bagi meningkatkan pengetahuan tatabahasa murid. Selain itu, kit KIBM yang mengandungi bahan-bahan bergambar bagi aspek peribahasa membolehkan murid menilai kebolehan mereka sendiri dalam memahami maksud dan penggunaan peribahasa yang digunakan.

Hal ini demikian kerana, aspek peribahasa yang terkandung dalam tatabahasa sering mengganggu murid untuk mengemukakan peribahasa yang betul selanjutnya memberi kesan terhadap pencapaian tatabahasa mereka. Justeru, aspek tatabahasa yang terdapat dalam kit diharap dapat memberi perubahan terhadap penguasaan murid dalam aspek tatabahasa sepanjang kajian dijalankan. Sukatan pelajaran yang terkandung dalam mata pelajaran Bahasa Melayu antaranya adalah pengetahuan murid ke atas kefahaman aspek KOMSAS. Murid perlu menguasai teks Komponen Kesusasteraan Melayu atau lebih dikenali dengan KOMSAS yang merupakan teks wajib digunakan dalam peperiksaan bahasa Melayu kertas 2 SPM. Melalui aspek kefahaman KOMSAS, murid perlu menceritakan, menyatakan, mengenal pasti, menghurai, mengulas dan sebagainya berkaitan topik-topik KOMSAS yang terdapat dalam teks.

Pelbagai aktiviti dapat dilakukan bagi memahami KOMSAS yang dipelajari. Dalam kajian ini, aspek kefahaman merujuk kepada kefahaman terhadap topik KOMSAS yang diterjemahkan menerusi aktiviti roda impian. Selain itu, murid juga perlu mempunyai kefahaman KOMSAS berkaitan aspek soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu (2001), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah





(KBSM) digariskan bahawa para pelajar harus dapat menghasilkan pelbagai jenis penulisan dengan tepat dan jelas tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan seharian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Sehubungan itu, aspek karangan merupakan kemahiran yang perlu dipelajari dan dilatih serta dikuasai oleh setiap murid (Tuah Jah & Faridah, 2011).

Karangan yang dianggap cemerlang adalah karangan yang mempunyai kosa kata yang luas, penggunaan tanda baca yang betul, penggunaan kata yang tepat dan disertai dengan ungkapan yang menarik. Hal ini demikian disebabkan pendidikan formal memerlukan murid mahir dalam menulis dan mengarang sebagai kaedah untuk menyampaikan maklumat, idea dan pendapat. Melalui SPM Bahasa Melayu terdapat dua bahagian soalan iaitu karangan berdasarkan bahan rangsangan dan karangan umum. Murid perlu mahir mengemukakan idea bagi soalan-soalan yang dipilih. Dalam kajian ini, aspek karangan merujuk kepada kebolehan menulis karangan melalui aktiviti rangsangan minda. Oleh itu, murid perlu meneliti bahan karangan yang terdapat dalam kit sebelum diterjemah untuk aktiviti pembentangan dan menulis karangan.

Seterusnya, penguasaan aspek pindah maklumat merujuk kepada kebolehan murid memindahkan maklumat yang diperoleh melalui aktiviti pembacaan pelbagai bahan bacaan. Murid perlu membaca petikan dengan teliti serta memahami isu yang dikemukakan sebelum aktiviti pindah maklumat dilakukan. Sehubungan itu, murid perlu mahir membaca dan mempunyai pengetahuan dalam mengenal pasti isi-isi penting. Dalam kajian ini, aspek pindah maklumat merujuk kepada kebolehan murid menguasai kemahiran memindahkan





maklumat melalui aktiviti susun dan tampal yang terdapat dalam kit. Murid perlu mahir dalam mengenal pasti isi dan menyelesaikan persoalan yang dikemukakan.

1.10.5 Perkembangan

Perkembangan boleh didefinisikan sebagai perubahan tingkah laku yang tersusun dan teratur. Semua perubahan dalam perkembangan ini akan membantu individu dalam proses mencapai kematangan. Santrock (2008) menyatakan sesuatu kurikulum dapat disampaikan kepada orang lain melalui kejayaan kurikulum tersebut dikembangkan. Dalam kajian ini, perkembangan merujuk kepada perubahan tingkah laku murid apabila diserap kemahiran insaniah melalui aktiviti PdP Bahasa Melayu yang disampaikan menggunakan kit KIBM. Kurikulum bahasa Melayu perlu seiring dengan pembelajaran abad ke-21 yang mana selain dapat menguasai pembelajaran yang disampaikan, murid juga dapat diserap dengan kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran insaniah.

1.10.6 Kemahiran Insaniah

Melalui Rubrik Penaksiran Kemahiran Insaniah (2014) terdapat tujuh elemen dalam kemahiran insaniah iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran kepimpinan, kemahiran etika dan moral, dan kemahiran keusahawanan. Kemahiran insaniah atau '*Soft Skills*' juga merangkumi aspek-





aspek kemahiran generik. Seseorang individu perlu mempunyai kemahiran generik dalam dirinya bagi menjadikannya modal insan yang cemerlang berasaskan pengetahuan, kecekapan produktiviti dan sikap berdaya saing (Mohd Hasril, Noorazman & Norasmah, 2015). Dalam kajian ini, kemahiran insaniah merujuk kepada kebolehan murid berinteraksi menggunakan tatabahasa yang betul, berfikir dengan rasional dalam menyelesaikan masalah, melakukan tugas yang diberikan guru, mempunyai semangat sepasukan, memiliki kebolehan dalam memimpin ahlinya, mempunyai etika serta nilai-nilai yang baik dalam diri murid, dan murid mempunyai keinginan untuk bersaing serta bersungguh-sungguh dalam melakukan aktiviti yang diberikan.



1.10.6.1 Kemahiran Komunikasi

Kemahiran berkomunikasi adalah elemen kemahiran insaniah yang digunakan kerana murid perlu menyampaikan pengetahuan dalam pembelajaran sama ada secara lisan, bukan lisan dan tulisan. Murid yang dapat menguasai kemahiran berkomunikasi dengan baik akan memudahkannya menguasai pengetahuan yang disampaikan dan memberi kesan kepada pencapaian pembelajarannya (KPM, 2016). Dalam kajian ini, kemahiran berkomunikasi melibatkan pengucapan yang berkesan murid sama ada melalui lisan, bukan lisan dan bertulis. Hal ini demikian kerana kemahiran berkomunikasi merupakan kemahiran untuk berhubung dengan orang lain serta kebolehan menyampaikan idea dengan jelas, berkesan, dan berkeyakinan (Buntat & Hassan, 2010). Pendengaran yang aktif dan kawalan nada suara dalam komunikasi menyebabkan sesuatu maklumat itu dapat dikemukakan dengan



jelas. Kemahiran seperti pendengaran yang aktif dan kawalan nada suara. Maka, kemahiran ini dapat dilihat pada diri murid dalam sifat kepimpinannya dan melihat cara murid berkenaan mengagih-agihkan tanggungjawab kepada rakan lain. Kemahiran berkomunikasi dalam kajian ini juga melibatkan kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberi maklum balas terhadap aspek-aspek yang terkandung dalam pengajaran melalui penggunaan kit KIBM.

1.10.6.2 Kemahiran Berfikir Kritis dan Penyelesaian Masalah

Kemahiran berfikir merupakan teras kepada proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan kebolehan murid berfikir (McGregor, 2007). Kemahiran berfikir kritis dan penyelesaian masalah amat penting untuk merungkai permasalahan dan membuat keputusan yang kukuh berdasarkan bukti yang dinyatakan (Ismail & Atan, 2010). Keupayaan untuk memindahkan kemahiran yang telah dipelajari kepada situasi-situasi lain merupakan salah satu aspek yang penting dalam kehidupan. Kemahiran berfikir kritis dan penyelesaian masalah dalam kajian ini merujuk kepada kebolehan murid-murid menyelesaikan tugas yang terkandung dalam kit KIBM.

Hal ini demikian kerana, soalan-soalan kini sangat memberi perhatian kepada aspek kemahiran berfikir aras tinggi iaitu kebolehan murid berfikir dalam menghadapi dan menyelesaikan sesuatu isu yang dihadapi. Selain itu, dalam kajian ini kemahiran berfikir aras tinggi merujuk kepada kebolehan murid mengembangkan dan memperbaiki



kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai sesuatu perbincangan yang dilakukan murid. Lebih-lebih lagi, kemahiran berfikir juga adalah kebolehan murid mencari idea dan alternatif yang melangkaui batas pemikiran mereka.

1.10.6.3 Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat

Pembelajaran berterusan adalah proses pencarian ilmu pengetahuan bagi tujuan peribadi atau profesional yang dilakukan seseorang sepanjang masa secara sukarela dan memiliki motivasi sendiri (UPSI, 2007). Pembelajaran berterusan melibatkan usaha murid berdikari dalam pemerolehan kemahiran dan pengetahuan baru, kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber, kebolehan menerima idea baru dan berkeupayaan untuk pembelajaran autonomi. Pembelajaran berterusan juga merupakan pembangunan potensi manusia melalui proses pembelajaran berterusan yang memotivasikan dan mengupayakan individu menguasai ilmu, menghayati nilai murni yang diperlukan sepanjang hayat dan meluaskan pengalaman hidup supaya individu mengambil tanggungjawab dalam berbagai-bagai peranan dan keadaan dengan yakin serta kreatif menghadapi segala cabaran hidup (Zulkipli, 2005; Hargreaves, 2004) mentakrifkan pembelajaran berterusan sebagai proses sepanjang hayat yang terdiri daripada latihan, pembangunan diri dan pembelajaran.

Pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat dalam kajian ini merujuk kepada proses murid belajar secara berterusan dan secara tidak langsung memberi impak





selepas PdP berlaku. Selain itu, pembelajaran berterusan dalam bahagian ini juga akan melihat hasil kerja murid yang diberikan oleh guru sama ada dapat diselesaikan atau tidak. Selain itu, murid dapat mencari dan meneroka maklumat di luar dari bilik darjah atau tidak. Seterusnya pembelajaran berterusan juga merupakan kebolehan untuk mencari dan menguruskan maklumat yang relevan dalam pelbagai sumber.

1.10.6.4 Kemahiran Kerja Berpasukan

Alkendele (2012) dalam kajiannya mendapati bahawa murid sedar bahawa melalui kerja secara berpasukan, mereka dapat memperbaiki komunikasi dengan rakan sekelas, berkomunikasi dengan rakan yang berlainan bangsa dan dapat mengukuhkan kepercayaan antara satu sama lain dalam ahli kumpulan. Luca dan Tarricone (2002) merumuskan kebanyakan murid sedar perlunya memberikan komitmen kepada tugas dalam pasukan, saling berkongsi idea dan maklumat baharu semasa pengajaran dan pembelajaran, bertanggungjawab terhadap pasukan serta menyelesaikan masalah bersama-sama untuk berjaya dalam pasukan menerusi amalan pembelajaran mereka. Pada cabaran era globalisasi ini, manusia semakin pantas dan berlumba-lumba ke arah mencapai kejayaan dalam hidup (PPPM, 2015) Pihak yang gagal menguasai sesuatu bidang akan ketinggalan.

Justeru, kerja berpasukan merupakan satu pendekatan untuk membantu pihak kedua agar sama-sama mencapai sesuatu yang dihasratkan tanpa ketinggalan dengan cepat. Kemahiran kerja berpasukan dalam kajian ini merujuk kepada murid bukan sahaja belajar





tingkah laku yang berkesan dan menghasilkan kerja yang berkualiti, tetapi mereka sebenarnya menikmati pengalaman kerja berpasukan yang baik melalui PdP. Kemahiran kerja berpasukan dalam bahagian ini juga akan melihat hubungan yang baik antara ahli kumpulan sepanjang pengajaran menggunakan kit KIBM dijalankan. Seterusnya setiap ahli kumpulan mempunyai kebolehan untuk memberikan sumbangan kepada perancangan dan menyelaraskan hasil kerja kumpulan mereka.

1.10.6.5 Kemahiran Kepemimpinan

Kemahiran kepimpinan tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan seseorang khususnya murid. Seseorang pemimpin amat penting kerana bukan sahaja perlu memimpin dirinya sendiri malah orang lain (Mohammad Shatar & Mohd Fauzi, 2014). Walau bagaimanapun, seorang pemimpin sering ditafsirkan sebagai seseorang yang mempunyai jawatan atau kedudukan dalam sesuatu organisasi. Kemahiran kepimpinan dalam kajian ini melibatkan keupayaan ketua dalam kumpulan yang dipilih untuk mengamalkan ciri-ciri kepimpinan semasa pelbagai aktiviti dilakukan, mempunyai pengetahuan memimpin, kebolehan untuk memimpin melakukan tugas, kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti antara ketua pasukan dan ahlinya serta kebolehan untuk menyelia anggota pasukan. Selain itu, seseorang pemimpin yang dilantik dalam sesebuah kumpulan perlu berani dan bertanggungjawab menjalankan peranan mereka.





1.10.6.6 Kemahiran Etika dan Moral Profesional

Kemahiran etika dan moral profesional melibatkan kebolehan untuk mengamalkan amalan moral yang tinggi dalam rutin harian dan interaksi sosial. Etika yang baik seharusnya dimiliki dan diamalkan dalam kehidupan seharian murid. Keberkesanan prinsip etika terletak kepada murid itu sendiri (Mohammad Shatar & Mohd Fauzi, 2014). Selain itu, etika merupakan ilmu tentang norma, nilai dan moral. Namun demikian, tanpa etika yang betul menyukarkan seseorang mengatur kehidupan hariannya. Kemahiran etika dan moral profesional dalam kajian ini merujuk kepada setiap individu yang saling berinteraksi antara satu dengan lain.



Murid seharusnya telah menjadikan nilai-nilai murni sebagai asas dalam diri mereka untuk melakukan kemahiran lain seperti kemahiran pembelajaran sepanjang hayat, kemahiran kepimpinan, kemahiran komunikasi, kemahiran kerja berpasukan, dan kemahiran keusahawanan. Kemahiran etika dan moral dalam bahagian ini juga akan melihat tingkah laku positif murid sepanjang berada di dalam bilik darjah khususnya ketika menjalankan aktiviti PdP dilakukan. Kemahiran etika dan moral yang ada dalam diri murid juga membolehkan mereka bekerjasama, memiliki kesungguhan, mempunyai keberanian, mempunyai keyakinan dan sebagainya.





1.10.6.7 Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran keusahawanan melibatkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran tentang risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti perniagaan dan pekerjaan (KPT, 2006). Lazimnya, seorang usahawan memiliki ciri-ciri seperti berani mengambil risiko, sentiasa mahu belajar, bersifat dinamik, suka melakukan pembaharuan, daya usaha yang tinggi serta sanggup menghadapi sebarang krisis dalam perniagaan (Mohd Yahya, 2010). Kegiatan keusahawanan merupakan satu proses memupuk dan melahirkan murid dengan budaya berniaga (Ab Aziz, 2010). Usahawan yang cemerlang seharusnya terdiri daripada usahawan yang bijak mencari peluang, boleh mengambil risiko yang belum pasti dan mempunyai kecenderungan untuk menjadikan idea sebagai realiti (Kuratko dan Hodgett, 2004).



Hal ini demikian kerana seseorang usahawan melibatkan keupayaan untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran terhadap cabaran yang datang, kreatif dan berinovasi dalam aktiviti berkaitan pekerjaan yang dilakukan. Kemahiran keusahawanan dalam kajian ini merujuk kepada kesungguhan murid dalam melakukan pekerjaan, sentiasa ingin meningkatkan pengetahuan, bersifat dinamik, suka pembaharuan, dan mempunyai daya usaha yang tinggi. Selain itu, murid perlu memiliki ciri keusahawanan yang boleh diterapkan dalam PdP melalui aktiviti yang mampu memupuk sikap seperti rajin, jujur, amanah dan bertanggung serta membangunkan minda kreatif dan inovatif untuk memacu idea ke pasaran.





1.11 Rumusan

Kurikulum di Malaysia telah mengalami banyak perubahan, terutamanya sejak zaman penjajahan hinggalah zaman selepas merdeka (KPM, 2018). Perkembangan kurikulum juga seiring dengan perkembangan dasar dalam bidang pendidikan. Perubahan dalam sektor pendidikan menjadi intipati penting dalam pengukuhan perpaduan negara ke arah yang lebih baik kerana pendidikan menjadi peneraju pembentukan masyarakat. Aspek bahasa Melayu misalnya merupakan medium yang dapat menyatupadukan kaum kerana bahasa yang dapat menghubungkan mereka untuk saling berinteraksi antara satu sama lain. Selain itu, bahasa Melayu membolehkan pelbagai kaum yang ada di negara ini berkomunikasi dalam satu bahasa yang sama.



Bagi memenuhi hasrat FPK dan KSSM serta penyediaan modal insan untuk pembangunan masyarakat dan negara perkembangan potensi murid perlu dilakukan secara harmonis, menyeluruh dan bersepadu. Sehubungan itu, perkembangan seluruh elemen kemahiran insaniah harus dimiliki murid, serta berlangsung secara bersepadu dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah tanpa mengira jantina, kaum dan pencapaian murid. Usaha untuk memperkembangkan keseluruhan elemen kemahiran insaniah melalui aspek bahasa Melayu menghadapi masalah serta keraguan jika tidak dilaksanakan dalam pengajaran. Sehubungan itu, kajian ini perlu dilakukan bagi meneliti permasalahan tersebut seterusnya mencari jalan penyelesaian terhadap beberapa keraguan yang timbul. Kajian ini dilakukan untuk melihat kesan kesan penggunaan Kit Kemahiran Insaniah Bahasa Melayu (kit KIBM) ke atas penguasaan bahasa Melayu dan perkembangan kemahiran insaniah murid.

